

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسِيَّةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ الْمَارِ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

MOHD RASDI BIN ZAINI

KETUA UNIT KUALITI :

NUR SURAYA BINTI ABDULLAH

PENYELARAS :

NUR'AMIRA BINTI HAMID

PENULIS :

1. SALWA BINTI ADAM
2. AMEERA BINTI ABDUL REEZA
3. NUR MAIZATUL IDAYU BINTI OTHMAN
4. NUR SURAYA BINTI ABDULLAH
5. NURUL WAHIDA BINTI HANI
6. NUR BADRIYAH BINTI KAMARUL ZAMAN
7. FATIN BINTI KHAIRUDDIN

8. NURUL WAHIDA BINTI RAMLI
9. NUR'AMIRA BINTI HAMID
10. SITI NUR ANISAH BINTI AANI
11. MOHAMAD ZAHARUDIN BIN SARIMAN
12. NUR FATIN MUNIRAH BINTI ARIS
13. NATASHA AFZAN BINTI TAMBY HUSIN
14. NUR AMALINA BINTI ISMAIL
15. SITI FAIRUZ NURR BINTI SADIKAN
16. MUHAMMAD HAIKAL BIN MOHD FISAL
17. NORAZLINA BINTI ABU SARI
18. NUR NABILA HUDA BINTI AZIZ
19. SHAMSIAH BINTI ABDULLAH
20. SHAMSIAH BINTI ABDULLAH

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Eksekutif Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) UiTM menunjukkan komitmen teguh dalam memacu kecemerlangan pengurusan yang sistematik, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 serta aspirasi UiTM sebagai *Globally Renowned University* (GRU) menjelang tahun 2025. Struktur kepimpinan FPA yang sistematik diterajui oleh Dekan, dibantu tiga Timbalan Dekan iaitu Timbalan Dekan Akademik (TDA), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP) dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (TDPJI) serta disokong oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) serta Jawatankuasa Pemilik Risiko. Sistem kepimpinan ini memastikan pencapaian bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Keusahawanan (JAKK)** melalui pendekatan holistik yang mengintegrasikan inovasi, kolaborasi antarabangsa dan pemerksaan digital tercapai dengan cemerlang dan ini dibuktikan dengan **memenangi tempat pertama** bagi kategori **Pillar 6 : Engaging Alumni** dan tempat ketiga bagi kategori **Pillar 5 : Highly Involved with the Industry, Community and Authority/Government Agencies** dalam **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2024**.

Perancangan (Plan)

Kecemerlangan yang telah dicapai oleh Fakulti Perladangan dan Agroteknologi pada tahun 2024 membuktikan keupayaan Pengurusan Eksekutif Fakulti untuk merancang strategi secara berkesan dan terperinci. Pelbagai program telah dirancang dengan teliti bagi memastikan pencapaian KPI berkaitan Jaringan Alumni, Komuniti, dan Keusahawanan Fakulti dapat direalisasikan, seterusnya meningkatkan produktiviti fakulti. Antara program yang telah dirancang ialah **Program Farm N Fun Run, Program Sehari Bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz dan Outreach Pasca Banjir**. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program-program ini, Pengurusan Eksekutif Fakulti telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan **Mesyuarat Pensejajaran Penjana Pendapatan & CSPI 2024** pada November 2023 di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun. Semasa bengkel tersebut, perbincangan menyeluruh telah diadakan bagi memastikan setiap program selaras dengan Petunjuk Prestasi (PI) yang ditetapkan oleh pihak UiTM.

Pelaksanaan (Do)

Bagi menjamin kejayaan program-program yang telah dirancang, kaedah pelaksanaan yang sistematik telah ditetapkan, bermula dengan penyerahan Petunjuk Prestasi kepada pihak yang bertanggungjawab. Pelbagai inisiatif dalaman seperti **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif**, serta hebahan melalui saluran **media sosial fakulti**, turut dilaksanakan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program. Dengan ini, penglibatan semua pihak berkepentingan dalam fakulti dapat diperoleh dengan mudah, sekali gus menjayakan pencapaian yang disasarkan.

Pemantauan (Check)

Di peringkat fakulti, pemantauan terhadap pencapaian Petunjuk Prestasi dijalankan secara **berkala** dan **strategik**. **Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU)** dalaman fakulti akan mengingatkan pihak Pusat Tanggungjawab Petunjuk Prestasi untuk mengemas kini data setiap tiga bulan di samping dijemput sebagai **Ahli Turut Hadir** dalam **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)** setiap tiga bulan sekali untuk **membentangkan laporan pencapaian PI** fakulti. Proses ini melibatkan Pengurusan Eksekutif Fakulti yang menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan intervensi bagi memastikan semua projek di bawah bidang tumpuan dilaksanakan dengan iavanva.

Tindakan Penambahbaikan (Act)

Pengurusan Eksekutif Fakulti sentiasa berusaha untuk melakukan penambahbaikan melalui analisis maklum balas daripada kaji selidik yang melibatkan warga fakulti dan pihak berkepentingan. Data yang diperolehi, antaranya daripada sistem **SMART**, **Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan**, **Borang Maklum Balas Pelajar**, dan **Alumni** dianalisis dengan teliti semasa sesi pemantauan untuk menilai tahap kebolehlaksanaan dan keberkesanan projek. Tindakan penambahbaikan kemudiannya dilaksanakan berdasarkan maklumat daripada pihak berkaitan, bagi memastikan setiap program yang dijalankan mencapai keberkesanan maksimum dan menyokong pencapaian KPI dalam bidang Jaringan Alumni, Komuniti, dan Keusahawanan.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Usaha Memacu Pencapaian Objektif dan Perancangan Strategik

Bagi memastikan **pencapaian objektif dan perancangan strategik** yang telah dirancang oleh Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), warga Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) telah merujuk pelbagai sumber daripada peringkat fakulti, universiti, kementerian, industri, mahupun kerajaan. Pendekatan ini bertujuan mengumpul data berkaitan yang dapat digunakan dalam proses merancang strategi dan melaksanakan pelaksanaan dengan berkesan. **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM 2015-2025) (FPA.K1.Kepimpinan_1.2_B1 (a)-(d))** serta **Pelan Strategik UiTM 2025 (FPA.K1.Kepimpinan_1.2_B1 (e)-(g))** menjadi rujukan utama warga FPA dalam merealisasikan setiap perancangan yang telah dirancang melalui **Mesyuarat Pensejajaran Penjana Pendapatan & CSPI 2024** yang dahulunya dikenali dengan nama Bengkel Perancangan Strategik. Semua pemegang taruh dalaman, iaitu staf akademik, staf sokongan, dan pelajar, serta pemegang taruh luar, iaitu industri, alumni, dan komuniti, bekerjasama secara harmoni untuk memastikan kelancaran perancangan dan pelaksanaan.

Program-Program Strategik Bahagian PJI dan Bahagian HEP

Bagi merealisasikan perancangan strategik yang telah dibincangkan, warga FPA telah menganjurkan beberapa program yang merangkumi Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawanan pada tahun 2024. Antara program yang dianjurkan adalah seperti berikut:

- (i) Fun N Farm Run
- (ii) Karnival Agro Siswa (KAS)
- (iii) i-Sulam (AGT566 – Prof. Dr. Asmah)
- (iv) Program Sehari Bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz
- (v) *Outreach* Pasca Banjir
- (vi) *Beach Clean Up*

Setiap program yang dilaksanakan oleh Bahagian PJI memastikan penyertaan pakar atau penceramah diutamakan daripada kalangan alumni FPA. Hal ini kerana FPA telah mengenal pasti ramai pakar rujuk dan pakar industri dalam kalangan alumni. Dengan kerjasama erat bersama Persatuan Alumni Perladangan UiTM (PAPU), pelbagai program alumni dapat dilaksanakan dengan jayanya, disokong oleh sumbangan input berharga daripada PAPU mengenai data alumni yang berkecimpung dalam industri perladangan dan pertanian. Selain itu, Bahagian PJI giat menjalin kerjasama dengan industri melalui penandatanganan **Memorandum Persefahaman (MoU)** bersama pihak antaranya All Cosmos Industries Sdn. Bhd., Macas Agro Sdn. Bhd., Sacha Inchi Superfood Sdn. Bhd. dan Agrocloud Sdn. Bhd. **(FPA.K1.Kepimpinan_1.2_B2 (a)-(d))**.

Penglibatan dalam Kesukarelawanan dan Jalinan Komuniti

FPA juga menggalakkan warga dan mahasiswa untuk melibatkan diri dalam program **kesukarelawanan**, yang bukan sahaja melibatkan komuniti dalam negara, tetapi juga komuniti antarabangsa. Dalam konteks jalinan komuniti, perkongsian ilmu dengan masyarakat dilaksanakan secara berterusan sehingga tahun 2024, selaras dengan visi dan misi FPA untuk menjadi pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang pengurusan ladang dan agroteknologi. Sebagai contoh, kerjasama dengan **Pejabat Pendidikan Daerah Jasin (PPD Jasin)** telah

membuka ruang yang luas bagi warga FPA untuk menyumbang kepakaran kepada sekolah-sekolah di bawah seliaan PPD Jasin (**FPA.K1.Kepimpinan_1.2_B3 (a)-(b)**).

Impak Program kepada Visi Universiti

Pelbagai program ini melibatkan kolaborasi antara mahasiswa, fakulti, alumni, industri, dan komuniti bagi melahirkan graduan berkualiti, kompetitif, dan berupaya memacu transformasi dalam sektor perladangan dan pertanian. Program-program ini turut menyokong **Amanat Naib Canselor UiTM 2024** yang menekankan pelan penglibatan komuniti dan industri melalui pendekatan **Model Lingkaran Lima Sektor atau Quintuple Helix (FPA.K1.Kepimpinan_1.2_B4 (a)-(b))**. Pendekatan ini menggunakan gabungan sinergi kerjasama antara empat pihak iaitu UiTM, Industri, Komuniti dan Alumni serta Kerajaan menerusi program kolaborasi berimpak sebagai usaha untuk memperkasakan masyarakat yang terhasil dari penyelidikan bagi pembangunan berterusan dalam mewujudkan persekitaran yang segar dan ekosistem yang kondusif.

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_K01_KB02_20251_FPA.K1.Kepimpinan_1.2_B1 \(a\)-\(d\).pdf](#)
2. [F0065_K01_KB02_20252_FPA.K1.Kepimpinan_1.2_B1 \(e\)-\(g\).pdf](#)
3. [F0065_K01_KB02_20253_FPA.K1.Kepimpinan_1.2_B2 \(a\)-\(d\).pdf](#)
4. [F0065_K01_KB02_20254_FPA.K1.Kepimpinan_1.2_B3 \(a\)-\(b\).pdf](#)
5. [F0065_K01_KB02_20255_FPA.K1.Kepimpinan_1.2_B4 \(a\)-\(b\).pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Usaha Pengurusan Eksekutif FPA dalam Mencapai Objektif Strategik

Pengurusan Eksekutif Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) menunjukkan usaha yang gigih dalam merealisasikan segala perancangan objektif serta memastikan pencapaian hasil yang efektif melalui pendekatan yang telah dirancang dengan teliti. Oleh itu, **langkah-langkah perluasan yang berkesan** telah dilaksanakan bagi memastikan segala maklumat berkaitan **perancangan, strategi, dan kejayaan program dapat disebarkan kepada semua warga FPA** dan pemegang taruh dengan cekap (**FPA.K1.Kepimpinan_1.3_B1 (a)-(c)**).

Pematuhan Prosedur dan Integriti

Dalam usaha mencapai objektif dan melaksanakan setiap program, Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) sentiasa prihatin untuk memastikan setiap tindakan mematuhi prosedur yang ditetapkan dan tidak melanggar sebarang peraturan yang boleh menjejaskan integriti atau protokol. Untuk itu, rujukan berkala dibuat kepada Unit Komunikasi dan Korporat FPA bagi mendapatkan khidmat nasihat dan maklum balas berkaitan pematuhan protokol pelaksanaan program. Langkah ini memastikan semua program yang dilaksanakan selaras dengan prosedur yang ditetapkan.

Pengurusan Kewangan yang Telus

Pengurusan kewangan yang terancang dan telus turut diberi penekanan dalam setiap program yang menyokong Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan. Perancangan kewangan yang rapi adalah penting untuk memastikan setiap program dapat dilaksanakan dengan cemerlang, tanpa sebarang kecacatan, dan mematuhi **pekeling** yang dikeluarkan oleh **Bendahari Universiti Teknologi MARA (UiTM) (FPA.K1.Kepimpinan_1.3_B2 (a)-(b))**. Bahagian PJI sentiasa berhubung rapat dengan Pejabat ICAN UiTM serta Bendahari UiTM bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program.

Kerjasama dengan Industri dan Kerajaan

FPA giat melaksanakan perluasan program melalui kerjasama dengan pihak industri dan kerajaan. Pelbagai pihak industri berkaitan perladangan dan agroteknologi telah dirisik untuk bekerjasama dengan FPA, termasuk Kerajaan Negeri Melaka (**FPA.K1.Kepimpinan_1.3_B3 (a)**). Selain perkongsian kepakaran, kerjasama ini turut merangkumi aktiviti penyelidikan dan sumbangan ilmu kepada komuniti. Usaha ini juga meluas ke cawangan lain seperti UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka dan UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau. Dari segi kerjasama dengan pihak kerajaan, FPA aktif menjalin kolaborasi bersama Pejabat Pendidikan Daerah Jasin (PPD Jasin) untuk perkongsian ilmu kepada guru dan pelajar di sekolah-sekolah sekitar Daerah Jasin, Melaka (**FPA.K1.Kepimpinan_1.3_B3 (b) - (c)**). Perkongsian ini merangkumi kaedah pertanian moden yang boleh diaplikasikan oleh pelbagai golongan pelajar, termasuk Pelajar Pendidikan Khas.

Penyebaran Maklumat Program

Bagi memastikan maklumat pelbagai program yang dirancang dapat memenuhi kehendak pemegang taruh, Pengurusan Eksekutif FPA melaksanakan hebahan melalui saluran formal dan efektif seperti Majlis Amanat Dekan, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Staf Akademik Fakulti, Mesyuarat Panel

Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), Mesyuarat Tabung Keraian Pelajar, serta Mesyuarat Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar (MPHEP).

Selain itu, saluran lain seperti e-mel rasmi fakulti, laman Facebook FPA, dan aplikasi WhatsApp turut digunakan sebagai platform penyebaran maklumat berkaitan Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawanan (**FPA.K1.Kepimpinan_1.3_B1 (a)-(c)**). Saluran-saluran ini terbukti efektif dalam menyampaikan maklumat dengan pantas, selaras dengan perkembangan teknologi masa kini.

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_K01_KB03_20251_FPA.K1.Kepimpinan_1.3_B1\(a\)-\(c\).pdf](#)
2. [F0065_K01_KB03_20252_FPA.K1.Kepimpinan_1.3_B2\(a\)-\(b\).pdf](#)
3. [F0065_K01_KB03_20253_FPA.K1.Kepimpinan_1.3_B3\(a\).pdf](#)
4. [F0065_K01_KB03_20254_FPA.K1.Kepimpinan_1.3_B3\(b\)-\(c\).pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Usaha Memastikan Kejayaan Pelaksanaan Projek Tumpuan Utama

Bagi menjamin kejayaan berterusan pelaksanaan projek tumpuan utama Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) yang berteraskan Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan, Pengurusan Eksekutif FPA, khususnya setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkaitan, sentiasa menekankan proses semakan menyeluruh terhadap setiap aspek pemantauan dan kategori risiko yang dihadapi semasa pelaksanaan. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti punca kejayaan atau ketidakcekan hasil projek **(FPA.K1.Kepimpinan_1.4.1_B1)**.

Tindakan Pencegahan dan Penambahbaikan

Hasil daripada pemantauan tersebut, tindakan pencegahan dan penambahbaikan dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dalam semua aspek pengurusan, penyampaian operasi, perkhidmatan, serta pelaksanaan projek bidang tumpuan. Pelbagai kaedah pengumpulan maklum balas telah dijalankan secara sistematik, termasuk melalui Borang Maklum Balas Pelajar, Alumni, Industri, dan pelanggan selepas pelaksanaan program. Data yang diperoleh dianalisis dan dirumuskan dengan teliti untuk menentukan tindakan susulan yang perlu dilaksanakan dengan segera. **(FPA.K1.Kepimpinan_1.4.1_B2 (a) – (c))**

Mesyuarat dan Perbincangan Projek

Ahli-ahli yang terlibat dalam projek bidang tumpuan FPA mengadakan mesyuarat mengikut skop dan gerak kerja masing-masing, seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Ahli Penyelidikan dan Jaringan Industri, Mesyuarat Tabung Keraian Pelajar (TKP) **(FPA.K1.Kepimpinan_1.4.1_B3 (a) – (b))**. Mesyuarat ini bertujuan untuk membentangkan laporan gerak kerja, membincangkan permasalahan, serta menilai kemajuan projek. Dengan ini, strategi dapat dirancang semula dan tindakan penambahbaikan dilaksanakan mengikut garis panduan serta dasar yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan FPA, selaras dengan garis masa yang telah ditentukan.

Contoh Tindakan Penambahbaikan

Program-program kesukarelawan yang di anjurkan bukan saja berfokuskan kepada komuniti setempat seperti program Outreach pasca banjir malah di tambahbaik dengan mencari peluang melepasi sempadan negara seperti program International Corporate Social Responsibility (I-CSR). Dalam aspek pengurusan risiko program, khususnya yang melibatkan kewangan, Pengurusan Eksekutif FPA menggalakkan cadangan penambahbaikan dan menyokong pengesyoran daripada pihak industri untuk memastikan pengurusan dan pencapaian program yang lebih baik.

Komitmen terhadap Pencapaian Petunjuk Prestasi (PI)

Pengurusan Eksekutif FPA menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memastikan pencapaian Petunjuk Prestasi (PI). Untuk itu, Penyelaras Bahagian Perancangan Strategik FPA dan Penyelaras ICAN diarahkan untuk memantau pencapaian PI secara berkala serta mengingatkan pihak berkaitan bagi mengemas kini data yang diperlukan. **(FPA.K1.Kepimpinan_1.4.1_B4)**

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_K01_KB04_KC01_20251_FPA.K1.Kepimpinan_1.4.1_B1.pdf](#)
2. [F0065_K01_KB04_KC01_20252_FPA.K1.Kepimpinan_1.4_B2 \(a\) - \(c\).pdf](#)
3. [F0065_K01_KB04_KC01_20253_FPA.K1.Kepimpinan_1.4.1_B3 \(a\)-\(b\).pdf](#)
4. [F0065_K01_KB04_KC01_20254_FPA.K1.Kepimpinan_1.4.1_B4.pdf](#)
- 5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Risiko dalam Pelaksanaan Projek Tumpuan JAKK

Pengurusan Eksekutif Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) sentiasa gigih memastikan semua perancangan dan pelaksanaan projek-projek bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawanan (JAKK) berpandukan proses pengurusan risiko. Panduan Pengurusan Risiko Universiti Teknologi MARA (UiTM) dijadikan rujukan utama dalam mengenal pasti, mencegah, dan mengurus risiko dengan teratur. **(FPA.K1.Kepimpinan_1.4.2_B1 (a) - (b))**

Pelantikan Jawatankuasa Pemilik Risiko

Bagi menjayakan tindakan pencegahan, Jawatankuasa Pemilik Risiko telah dilantik, dengan Dekan sebagai Pengerusi dan dianggotai oleh Pengurusan Eksekutif, Wakil Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, serta Penyelaras Pengurusan Risiko. Pelantikan ini selaras dengan Arahan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko Universiti, Unit Pengurusan Risiko 2014. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memupuk budaya pengurusan risiko, memastikan pematuhan terhadap polisi, panduan, dan mekanisme pengurusan risiko UiTM, serta memantau dan menilai setiap risiko yang dilaporkan secara berkala.
(FPA.K1.Kepimpinan_1.4.2_B2 (a)-(b))

Pemantauan dan Pelaporan Projek

Pengurusan Eksekutif FPA menjalankan pemantauan terhadap pelaksanaan projek-projek bidang tumpuan JAKK dengan penuh komitmen melalui mesyuarat dalaman, analisis audit, dan penyediaan laporan akhir. Laporan yang dikemukakan kepada Pengurusan Eksekutif FPA digunakan untuk mengenal pasti potensi risiko, seperti ketidakcapaian sasaran atau keperluan penambahbaikan dalam pengumpulan data. Laporan ini disediakan oleh penasihat program dengan sokongan Penyelaras atau Koordinator, sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengenal pasti dan meminimumkan risiko dari semasa ke semasa.

Analisis dan Penambahbaikan

Melalui laporan tersebut, proses analisis, pengenalanpastian, dan semakan risiko dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Ini memungkinan penyediaan pelan cadangan dan tindakan penambahbaikan untuk memastikan kejayaan projek-projek bidang tumpuan pada masa hadapan. Dengan pendekatan ini, Pengurusan Eksekutif FPA mampu memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_K01_KB04_KC02_20251_FPA.K1.Kepimpinan_1.4.2_B1\(a\)-\(b\).pdf](#)
2. [F0065_K01_KB04_KC02_20252_FPA.K1.Kepimpinan_1.4.2_B2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Memastikan Kecemerlangan melalui Pengurusan Risiko dan Penambahbaikan

Kecemerlangan dalam pelaksanaan projek-projek di bawah bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawanan (JAKK) dijamin melalui penekanan terhadap proses pengenalpastian risiko, semakan pengurusan, dan penambahbaikan dalam setiap pelaksanaan. Proses semakan risiko dilaksanakan melalui taklimat tatacara penyediaan laporan sebelum laporan projek-projek tersebut dikemukakan ke dalam sistem seperti PRIME, SMART, dan NILAMs (**FPA.K1.Kepimpinan_1.4.3_B1**). Penambahbaikan turut dilakukan selepas pengesahan laporan dalam sistem, diikuti dengan tindakan penambahbaikan secara berpusat oleh Pengurusan Eksekutif Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA). Selain itu, semakan risiko juga berpandukan maklum balas daripada Borang Maklum Balas Pelajar, Alumni, dan Pelanggan, termasuk melalui platform seperti Facebook dan Google Form, yang menjadi salah satu sumber data untuk semakan risiko dan penyusunan plan tindakan penambahbaikan.

Pelaksanaan Tindakan Penambahbaikan

Tindakan penambahbaikan dijalankan dengan melibatkan Pengurusan Eksekutif FPA, khususnya Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Jaringan Industri), Koordinator ICAN, serta Penyelaras dan Penasihat Projek, dalam mesyuarat yang membincangkan tatacara penyediaan laporan. Tindakan susulan juga diambil selepas pengesahan laporan dalam sistem, membolehkan analisis laporan gerak kerja, pengambilkiraan permasalahan, dan perancangan strategi penambahbaikan untuk masa hadapan, selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) (**FPA.K1.Kepimpinan_1.4.3_B2**).

Impak Tindakan Proaktif

Pendekatan proaktif dan komitmen tinggi daripada Pengurusan Eksekutif FPA ini dianggap mampu membawa impak penambahbaikan yang signifikan dalam pemantauan, pengenalpastian risiko, semakan risiko, dan penambahbaikan projek-projek bidang tumpuan pada masa akan datang.

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_K01_KB04_KC03_20251_FPA.K1.Kepimpinan_1.4.3_B1.pdf](#)
2. [F0065_K01_KB04_KC03_20252_FPA.K1.Kepimpinan_1.4.3_B2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan Program Bidang Tumpuan

Pengurusan Eksekutif Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) amat menitikberatkan pembudayaan program-program yang berteraskan Jaringan Alumni, Industri, dan Keusahawanan. Antara strategi dan objektif yang dilaksanakan bagi memupuk budaya ini termasuk penganjuran **Majlis Apresiasi Staf (FPAFPA.K1.KEPIMPINAN_1.5_B1) serta Majlis Anugerah Kelab/Persatuan FPA (MAKEP) (FPA.K1.KEPIMPINAN_1.5_B2)**. Inisiatif ini telah berjaya membentuk sinergi dan memastikan kelangsungan program melalui pemberian motivasi kepada penganjur, pelajar, serta pihak industri yang terlibat sepanjang pelaksanaan program.

Sokongan terhadap Inisiatif Berimpak Tinggi

Pengurusan Eksekutif FPA sentiasa memberikan **sokongan penuh terhadap inisiatif pemerkasaan program bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti, dan Keusahawanan yang berimpak tinggi**. Inisiatif ini bukan sahaja membuka wawasan, malah turut menginspirasi warga FPA untuk meneruskan projek serupa, sekaligus menyokong Objektif, Misi, dan Visi Universiti Teknologi MARA (UiTM). Antara program yang telah dilaksanakan termasuk program inovasi sosial berteraskan *International Community Social Responsibility (i-CSR) (FPA.K1.KEPIMPINAN_1.5_B3)* antara FPA dan Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati (UIN SGD), Indonesia iaitu i-SULAM AGT566 di Sabak Bernam, Selangor (**FPA.K1.KEPIMPINAN_1.5_B4**).

Inisiatif Strategik dan Kerjasama

Bagi memastikan kelangsungan dan pembudayaan program berkaitan bidang tumpuan utama fakulti, pelbagai inisiatif strategik telah dijalankan, termasuk **penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan beberapa pihak industry (FPA.K1.KEPIMPINAN_1.5_B5)**. Kerjasama ini menjamin kesinambungan hubungan antara FPA, industri, dan alumni. Pengurusan Eksekutif FPA menunjukkan komitmen dan ketelusan yang tinggi dalam memastikan pelaksanaan program selaras dengan kandungan perjanjian MoU yang telah dipersetujui.

Harapan Kelangsungan Program

Segala program yang telah dilaksanakan diharapkan dapat diteruskan dan kekal berkat inisiatif pembudayaan serta sokongan penuh komitmen daripada Pengurusan Eksekutif FPA.

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_K01_KB05_20251_FPA.K1.KEPIMPINAN_1.5_B1.pdf](#)
2. [F0065_K01_KB05_20252_FPA.K1.KEPIMPINAN_1.5_B2.pdf](#)
3. [F0065_K01_KB05_20253_FPA.K1.KEPIMPINAN_1.5_B3.pdf](#)
4. [F0065_K01_KB05_20254_FPA.K1.KEPIMPINAN_1.5_B4.pdf](#)
5. [F0065_K01_KB05_20255_FPA.K1.KEPIMPINAN_1.5_B5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan (Plan)

Perancangan strategik (PS) bagi tahun 2024 telah ditetapkan dalam Bengkel PS pada 3-6 November 2023 bertempat di Dungun, Terengganu. Bengkel PS bagi tahun 2025 pula telah diadakan pada 3-6 Disember 2024 di Alor Setar, Kedah. Program ini yang terdiri daripada ahli pengurusan eksekutif, Penolong Pendaftar, Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU), Pegawai Eksekutif dan Penyelaras-penyelaras program yang dilantik. Pelbagai program telah disasarkan di bawah kluster jaringan industri, alumni dan komuniti yang pelaksanaannya mesti dijalankan dalam tempoh satu tahun.

Untuk tahun 2023 juga, Bahagian Transformasi Universiti (BTU) telah memperkenalkan sistem University Strategic Management System (UiSMS) untuk menggantikan sistem UePMO. UiSMS merekodkan secara terperinci projek yang dirancang oleh PTJ untuk tahun semasa. Sistem juga menghendaki Ketua PTJ melantik Project Director (PD), Project Manager dan Project Member bagi memantau aktiviti perancangan strategi.

Pelaksanaan (Do)

Perancangan strategik FPA dirancang dan dilaksanakan dengan teliti berlandaskan Model Strategi UiTM 2020-2025 yang bertema Kompetensi Global. Setiap program yang dirancang diletakkan di bawah tanggungjawab penyelaras yang berkaitan. Pendekatan dan strategi dilaksanakan untuk memastikan program berjaya direalisasikan. Antaranya ialah seperti pemetaan sasaran, relevansi dan nilai tambah, komunikasi dua hala, pengiktirafan dan apresiasi dan menjalankan kolaborasi berterusan. Pemantauan program diadakan dari masa ke semasa dan direkodkan dan dilaporkan dalam sistem Electronic Program Management Office (UePMO).

Pemantauan (Check)

Hasil pemantauan dan kenal pasti risiko yang dilaporkan di dalam sistem UiSMS dibincangkan bersama secara berkala melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif FPA yang dipengerusikan oleh Dekan. Selain itu, perbincangan juga diadakan dengan Penyelaras Projek pada setiap bulan. Perbincangan dan brainstorming diadakan secara fizikal dan maya. Pemantauan pencapaian *Performance Indicator* (PI) yang dikeluarkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) setiap bulan yang akan diterima oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) melalui sistem Electronic Program Management Office (UePMO) dan dashboard Power BI Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Koordinator yang bertanggungjawab bagi PI yang mengalami kekurangan prestasi pencapaian akan dihubungi untuk mengetahui masalah yang dihadapi dan akan dibantu oleh pegawai eksekutif pentadbiran sekiranya perlu

Tindakan Penambahbaikan (Act)

Setelah menilai prestasi pencapaian pada hujung tahun, permasalahan dikenalpasti dan langkah penambahbaikan dilakukan bagi meningkatkan pencapaian pada tahun yang akan datang. Setiap Penyelaras Program yang terlibat akan mengenalpasti dan membentangkan masalah serta cadangan penyelesaian. Perkara ini dilihat dengan lebih mendalam ketika program retreat. Tindakan penambahbaikan dibincangkan dan diselaraskan agar semua Ketua Unit dan Penyelaras Program dapat mengambil langkah penyelesaian dan tambahbaik pada tahun seterusnya.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan perancangan strategik (PS) Fakulti sejajar dengan **Pelan Strategik UiTM 2025 dalam Teras Strategik 2 Kecemerlangan Global iaitu Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni (FPA.K2.Perancangan Strategik_2.2_B1)**. Pelaksanaan PS adalah di bawah tanggungjawab Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) yang telah dilantik oleh Naib Canselor (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.2_B2**). Oleh yang demikian, PSTU mengadakan Bengkel Perancangan Strategik Fakulti Perladangan dan Agroteknologi pada November 2023 dan Disember 2024 untuk melihat dan merancang PS bagi setiap tahun. (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.2_B3(a-b)**).

Bengkel tersebut telah diadakan untuk melaksanakan analisa dan mengkaji tahap pencapaian *Performance Indicator* (PI) FPA bagi tahun 2023 dan 2024 (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.2_B4(a-b)**) serta membincangkan sasaran pencapaian yang diturunkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi UiTM kepada FPA bagi tahun 2024 dan 2025.

Bengkel tersebut juga membincang dan merancang projek-projek yang berimpak tinggi dengan fokus kepada bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) iaitu **PI075 hingga PI080**. Objektif dan inisiatif strategik FPA memfokus kepada penganjuran aktiviti berimpak tinggi yang menekankan perhubungan serta jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan di samping menyumbang kepada keperluan kumpulan sasaran di dalam bentuk perkongsian pengetahuan, kefahaman, pemindahan ilmu kepakaran dan semangat kemasyarakatan.

Selain PI yang diuruskan oleh PSTU, terdapat juga PI terkait JAKK di bawah **objektif Manual Kualiti FPA** yang diuruskan oleh Ketua Unit Kualiti (KUK). Objektif yang ke-9 ialah memastikan sekurang-kurangnya 10 aktiviti komuniti/ pengantarabangsaan/ keusahawanan dijalankan di FPA pada setiap tahun. Pada tahun 2024, lebih daripada 10 aktiviti telah berjaya dijalankan.

Projek telah dirancang yang diletakkan di bawah tanggungjawab penyelaras berkenaan. Program yang dirancang mengambilkira pelaksanaan di peringkat dalam dan luar UiTM; kebangsaan dan juga antarabangsa. Bagi tahun 2024, program Fun N Farm Run dan Karnival AgroSiswa dijalankan di bawah kategori jaringan bersama alumni dan komuniti. Manakala di bawah jaringan komuniti, program yang telah dijalankan ialah seperti i-Sulam. Antara program di bawah kategori jaringan kesukarelawan ialah Program Sehari Bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz dan Outreach Pasca Banjir.

Bagi memastikan rekod pencapaian PI dijalankan dengan baik, **sistem UePMO** digunakan sebanyak tiga (3) kali sebulan untuk merekodkan perancangan strategik fakulti dan memudahkan pemantauan dijalankan (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.2_B5**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_P01_PB02_20251_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.2_B1\(new\).pdf](#)
2. [F0065_P01_PB02_20252_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.2_B2.pdf](#)
3. [F0065_P01_PB02_20253_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.2_B3\(a-b\).pdf](#)
4. [F0065_P01_PB02_20254_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.2_B4\(a-b\).pdf](#)
5. [F0065_P01_PB02_20255_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.2_B5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan dijalankan dengan **membahagikan PI mengikut setiap PTJ** di bawah setiap Timbalan Dekan seperti HEA, HEP dan PJI. Seterusnya PI dipertanggungjawab di bawah koordinator/penyelaras tertentu. Pelaksanaan PI diletakkan di bawah penyelaras/ketua/penasihat program dan jawatankuasa. Program yang dirancang di bawah PI tertentu diuruskan dan dijalankan oleh pelajar yang mewakili persatuan/kelab. Selain itu, perluasan juga dibuat menerusi **kolaborasi dan penyertaan** di luar Fakulti iaitu di dalam universiti (kampus dan cawangan UiTM) dan luar universiti (alumni dan komuniti) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai contoh program **Fun N Farm Run** yang dianjurkan oleh Kelab KASAR (BHEP) yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat iaitu staf, pelajar, penduduk sekitar kampus, jemputan industri dan alumni. Program ini turut mendapat tajaan dari alumni dan industri berkaitan perladangan dan pertanian.

Perluasan seterusnya dijalankan berdasarkan pemetaan sasaran, relevansi dan nilai tambah, komunikasi dua hala, pengiktirafan dan apresiasi dan menjalankan kolaborasi berterusan.

Penyelaras/ketua/penasihat program JAKK mengenalpasti **kumpulan sasaran** alumni, komuniti dan individu/kumpulan sukarelawan yang dapat memberi impak besar dan positif terhadap pencapaian PI yang menjadi tunjang bagi setiap program. Relevansi dan nilai tambah diutamakan supaya kumpulan sasaran dan fakulti sama-sama mendapat faedah daripada pelaksanaan program. Contohnya program **i-Sulam AGT566 (Plant Tissue Culture Technology Knowledge Transfer)** yang mensasarkan perkongsian ilmu bersama penduduk sekitar Sabak Bernam

Program bersama alumni yang dirancang melibatkan penglibatan dan kerjasama fakulti bersama alumni bagi memupuk ikatan kebersamaan, mendedahkan pengalaman dunia kerjaya sebenar di mana alumni jemputan merupakan individu dari pelbagai industri berkait perladangan dan pertanian. **Komunikasi dua hala** dengan kumpulan sasaran penting bagi memastikan kolaborasi berterusan. Perkara ini dapat dicapai melalui sistem bersepadu pengkalan data alumni dan platform sosial media yang bertujuan memudahkan perhubungan dan kerjasama strategik alumni (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.3_B1**).

Di akhir program, **pengiktirafan dan apresiasi** penting bagi menzahirkan penghargaan fakulti kepada kumpulan sasaran atas kejayaan melaksanakan program serta sebagai motivasi untuk terus terlibat dalam program fakulti. Contohnya pemberian sijil penghargaan kepada ahli jawatankuasa dan peserta program (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.3_B2**) Pelaksanaan pendekatan yang disebutkan di atas adalah penting dalam memastikan program berjaya dilaksanakan seterusnya mencapai PI yang telah ditetapkan.

Selain itu, **siaran akhbar (press release)** juga memainkan peranan penting dalam membentuk visibility Fakulti setelah program dilaksanakan. Hal ini bukan sahaja melonjakkan imej Fakulti, tetapi UiTM secara umum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.3_B3**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_P01_PB03_20251_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.3_B1.pdf](#)
2. [F0065_P01_PB03_20252_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.3_B2.pdf](#)
3. [F0065_P01_PB03_20253_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.3_B3.pdf](#)
4. [F0065_P01_PB03_20254_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.3_B2.pdf](#)
5. [F0065_P01_PB03_20255_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.3_B3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan yang berkala dan sistematik sentiasa dilaksanakan bagi mengkaji kualiti dan pelaksanaan program. Ianya dilakukan dengan menggunakan Pemantauan pencapaian *Performance Indicator* (PI) yang dikeluarkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) setiap bulan yang akan diterima oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) melalui sistem Electronic Program Management Office (**UePMO**) dan dashboard **Power BI** Bahagian Transformasi Universiti (BTU). (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.1_B1** dan **FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.1_B2**).

Melalui sistem ini, prestasi pencapaian bagi setiap PI bagi jaringan Alumni, Komuniti dan kesukarelawanan akan direkodkan dan sebarang kekurangan dari segi pencapaian dapat dikenalpasti. Seterusnya, koordinator yang bertanggungjawab bagi PI yang mengalami kekurangan prestasi pencapaian akan dihubungi untuk mengetahui masalah yang dihadapi dan akan dibantu oleh pegawai eksekutif pentadbiran sekiranya perlu (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.1_B3**). Pemantauan pelaksanaan program juga dibuat ketika mesyuarat Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) yang diadakan secara berkala.

Segala pencapaian akan dibentangkan tiga bulan sekali bersama Majlis Pengurusan Eksekutif melalui siri mesyuarat pengurusan (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.1_B4**) secara menyeluruh bagi merealisasikan pemantauan berkesan. Pemantauan dibuat dengan memastikan Penyelaras/Ketua/Penasihat Projek menghantar laporan program-program yang dijalankan melalui sistem seperti PRIME dan SMART (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.1_B5**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_P01_PB04_PC01_20251_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.1_B1.pdf](#)
2. [F0065_P01_PB04_PC01_20252_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.1_B2.pdf](#)
3. [F0065_P01_PB04_PC01_20253_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.1_B3.pdf](#)
4. [F0065_P01_PB04_PC01_20254_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.1_B4.pdf](#)
5. [F0065_P01_PB04_PC01_20255_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.1_B5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko-risiko berkaitan dalam merancang semua program-program di bawah PI alumni, komuniti dan kesukarelawan telah dikenalpasti dan didokumentasikan di dalam sistem yang dipanggil **UiSMS (FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.2_B1)**.

Terdapat sembilan (9) bahagian Risiko yang dikenalpasti oleh pihak BTU dan ianya meliputi risiko strategik serta risiko operasi. Risiko-risiko ini telah diberikan taklimat dari **Penyelaras Risiko** sendiri untuk mengenalpasti bagaimana untuk menentukan risiko-risiko yang ada bagi setiap PI yang diberikan (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.2_B2**). Beberapa risiko telah berjaya dikenalpasti dan didaftarkan di dalam sistem UiSMS oleh penyelaras yang bertanggungjawab. Selain itu, risiko juga dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko.

Sebagai contoh, program I-CSR pelajar FPA bersama Qaswa House, Perth, Australia yang dijalankan pada tahun 2023 telah mendapat rating 2 stars. Setelah disemak di PRIME Star Rating, program ini tidak menepati beberapa kriteria iaitu komuniti penerima manfaat tidak spesifik, tiada analisa dan tiada perbincangan tentang impak ilmu yang disampaikan kepada komuniti tersebut (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.2_B3**).

Pada tahun 2024, Penyelaras/Ketua/Penasihat Program yang terlibat telah memastikan risiko di atas dielakkan dan ditangani (jika ada) bagi memastikan semua program berjalan lancar dan risiko tidak berulang. Hal ini amat penting dalam memastikan pencapaian PI yang baik.

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_P01_PB04_PC02_20251_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.2_B1.pdf](#)
2. [F0065_P01_PB04_PC02_20252_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.2_B2.pdf](#)
3. [F0065_P01_PB04_PC02_20253_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.2_B3.pdf](#)
- 4.
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil pemantauan dan kenal pasti risiko yang dilaporkan di dalam **sistem UiSMS** dibincangkan bersama secara berkala melalui **mesyuarat dan sesi perbincangan dengan Penyelaras/Ketua/Penasihat Projek** sama ada melalui medium maya dan fizikal. Sebarang masalah akan dibincangkan bersama dengan Timbalan Dekan untuk langkah yang sewajarnya untuk diambil. Aduan juga boleh dikemukakan kepada pihak BTU sekiranya terdapat tidak berpuas hati berkenaan penetapan serta penilaian dari pihak peneraju tentang satu-satu aktiviti yang telah dianjurkan oleh pihak Fakulti (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.3_B1**).

Hasil penganalisan PSTU bagi 2023 telah dikongsi dengan warga jabatan melalui **Bengkel Perancangan Strategik** di mana PSTU membentangkan laporan pencapaian dimana laporan penganalisan bagi PI 2023 di bawah JAKK telah mencapai hanya sebanyak 58.7% (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.3_B2**). Oleh yang demikian, PSTU memohon agar penambahbaikan perlu dilaksanakan pada tahun 2024 bagi membolehkan Fakulti Perladangan & Agorteknologi berada di tahap yang lebih baik .

Setelah menilai prestasi pencapaian pada hujung tahun, **permasalahan dikenalpasti dan langkah penambahbaikan dilakukan** bagi meningkatkan pencapaian pada tahun yang akan datang. Setiap Penyelaras/Ketua/Penasihat Program yang terlibat akan mengenalpasti dan membentangkan masalah serta cadangan penyelesaian. Perkara ini dilihat dengan lebih mendalam ketika **program retreat Fakulti**. Tindakan penambahnaik dibincangkan dan diselaraskan agar semua Ketua Unit dan Penyelaras/Ketua/Penasihat Program dapat mengambil langkah penyelesaian dan tambahbaik pada tahun seterusnya.

Setelah Penyelaras/Ketua/Penasihat Program mengenalpasti kriteria penting dan bertindak, Fakulti berjaya mendapatkan rating 3 stars bagi 4 program pada tahun 2024 (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.3_B4(a-b)**) Selain itu, laporan penganalisan bagi PI 2024 di bawah JAKK berjaya mencapai laporan penganalisan bagi PI 2023 di bawah JAKK telah mencapai hanya sebanyak 68.3% (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.3_B5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_P01_PB04_PC03_20251_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.3_B1.pdf](#)
2. [F0065_P01_PB04_PC03_20252_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.3_B2.pdf](#)
- 3.
4. [F0065_P01_PB04_PC03_20254_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.3_B4.pdf](#)
5. [F0065_P01_PB04_PC03_20255_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.4.3_B5.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan program berimpak tinggi seperti yang dizahirkan sewaktu Bengkel Perancangan Strategik telah memperoleh **hasil menyeluruh dan menjadi sumber inspirasi serta semangat** di dalam membentuk kerjasama dan sinergi bersama alumni, komuniti serta sukarelawan.

Budaya kolaborasi dan jalinan bersama komuniti

Jalinan hubungan bersama komuniti terutamanya dengan komuniti di negeri/negara lain dan NGO juga sentiasa terjalin agar pelbagai aktiviti dapat dilakukan yang dapat memberi impak yang positif antara mahasiswa universiti, alumni dan komuniti (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.5_B1 dan FPA.K2.Perancangan Strategik_2.5_B2**).

Budaya perkongsian ilmu dan kepakaran serta pembelajaran berterusan

Bagi menyambut aspirasi UiTM untuk meningkatkan prestasi universiti yang berkualiti dan berdaya saing, FPA telah mengadakan beberapa program bagi menarik lebih ramai alumni dan pelbagai lapisan komuniti untuk melibatkan diri dalam program anjuran Fakulti dan menjalinkan hubungan profesional bersama Fakulti. Antara program yg lebih menarik dan lebih berimpak tinggi pada tahun 2024 berbanding tahun 2023. Antaranya UiTM Living Lab @ Sabak Bernam Expedicom-UCS Community International Engagement - Kursus Sabun Organik Koenzim (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.5_B3**) dan Bengkel Penyediaan Baja Organik Untuk Penanaman Sayuran.

Budaya empati dan kemasyarakatan

Nilai kasih mengasihani dan menyantuni terhadap golongan yang kurang bernasib baik dan warga emas dipupuk melalui program seperti Sehari Bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz dan Outreach Pasca Banjir (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.5_B4**).

Budaya penandaarasan dalam menambahbaik operasi dan prestasi

Satu lawatan penandaarasan ke MAHA (Malaysian Agriculture, Horticulture and Agrotourism) 2024 telah diadakan pada 11 September 2024. Lawatan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada staf Fakulti untuk melihat dan mempelajari kaedah penganjuran pameran berskala besar di samping mengetahui perkembangan terkini dalam industri pertanian dan mengembangkan rangkaian kerjasama (**FPA.K2.Perancangan Strategik_2.5_B5(a-b)**).

Impak pembudayaan terhadap Fakulti amatlah ketara. Fakulti mencapai skor Malaysia Research Assessment (**MyRA**) telah meningkat daripada 2 bintang pada tahun 2023 kepada **3 bintang** pada tahun 2024. Hasil dari perancangan strategik yang mampan dalam JAKK secara khususnya juga dapat menempatkan FPA sebagai salah satu fakulti di UiTM yang menduduki **Top 450 di dal QS World University Ranking by Subject : Agriculture and Forestry**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_P01_PB05_20251_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.5_B1.pdf](#)
2. [F0065_P01_PB05_20252_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.5_B2.pdf](#)
3. [F0065_P01_PB05_20253_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.5_B3.pdf](#)
4. [F0065_P01_PB05_20254_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.5_B4.pdf](#)
5. [F0065_P01_PB05_20255_FPA.K2.Perancangan Strategik_2.5_B5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pihak Pengurusan FPA sentiasa optimis bahawa setiap perancangan yang melibatkan pelanggan JAKK dapat dilaksanakan dengan pelbagai inisiatif dan kaedah agar penetapan **performance indicator (PI)** dapat dicapai. Merujuk kepada **Manual Kualiti FPA**, pelanggan utama bidang JAKK dikategorikan kepada dua (2) iaitu **pelanggan proses** dan **pelanggan luar**. Oleh itu, setiap perancangan berkenaan program/aktiviti harus menitikberatkan kepada keperluan pelanggan bidang tumpuan (BT).

Perancangan sistematik yang dirancang semasa **Bengkel Pelarasan Pelan Strategik FPA 2024** akan dibentangkan dan direkodkan agar setiap aktiviti dapat dilaksanakan, dipantau dan kaedah penambahbaikan yang sewajarnya dapat dijalankan. **FPA melalui bahagian ICAN** akan memastikan penglibatan aktif setiap pelanggan BT berlandaskan kepada **Model Lingkaran Lima Sektor** atau **Quintuple Helix**. Bagi memastikan hebahan pelaksanaan program/aktiviti diterima, FPA telah menggunakan pelbagai kaedah pengumpulan data pelanggan agar lebih berfokus dan mencapai sasaran yang tepat. Saluran media social seperti **facebook FPA, telegram, website FPA, sistem E-aduan, dan aplikasi WhatsApp** dilihat sangat membantu untuk mencapai kumpulan sasaran pelanggan bagi menyampaikan maklumat secara cepat dan tepat. Melalui pelbagai program yang telah dibuat sepanjang tahun 2024, pelanggan BT telah diberi peluang untuk berkomunikasi bersama pihak FPA, berlakunya pemindahan ilmu dan teknologi seterusnya menampilkan ketampakan FPA dan UiTM di mata masyarakat serta **menyokong usaha ke arah GRU 2025**.

Pemantauan yang berterusan terhadap setiap program yang dijalankan telah memberi ganjaran/ kebaikan yang signifikan kepada semua pelanggan. Antaranya adalah **penarafan projek komuniti yang berimpak tinggi, memupuk semangat kesukarelawan** dan menyemai kefahaman tentang **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)** serta manfaat secara terus dari **amalan inovasi** seperti **peningkatan kualiti dan pendapatan** kepada kumpulan pelanggan yang terlibat. **Penambahbaikan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan(MKSP)** telah digunakan untuk mengkaji semula setiap perancangan dan pelaksanaan program yang dibuat agar proses penambahbaikan diambil tindakan yang sewajarnya.

Melalui **kajian semula** dan penambahbaikan yang dibuat terhadap pelanggan JAKK, FPA telah mendapat **penarafan tiga (3) bintang** bagi **empat(4) program utama**, memenangi tempat **TEMPAT PERTAMA Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Respected 2024: PILLAR 6(ENGAGING ALUMNI)**, dan **TEMPAT KETIGA Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Respected 2024: PILLAR 5(HIGHLY INVOLVED INDUSTRY, COMMUNITY, and AUTHORITY/GOVERNMENT AGENCIES)**. Kesimpulannya, FPA sentiasa komited dalam memastikan setiap perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan juga kaedah penambahbaikan dibuat secara sistematik dan proaktif agar dapat mencapai hasil yang cemerlang dalam bidang JAKK.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pihak FPA sentiasa berusaha mengenal pasti pendekatan terbaik dalam merancang dan juga menjalankan proses Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, selari dengan **visi, misi dan nilai UiTM**. Pendekatan berdasarkan **Model Lingkaran Lima Sektor** atau **Quintuple Helix** amat bersesuaian dengan bidang tumpuan yang dipilih iaitu **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK)**, yang mampu dilaksanakan menerusi **program kolaborasi berimpak** sebagai usaha untuk memperkasakan masyarakat untuk membangun dalam persekitaran yang segar dan ekosistem yang kondusif. (FPA.K3.Pelanggan_3.2_B1 (a)-(b))

Berdasarkan **Manual Kualiti FPA**, pelanggan bagi bidang tumpuan JAKK dikenal pasti terbahagi kepada dua (2) pelanggan utama iaitu pelanggan proses dan juga pelanggan luaran. **Pelanggan proses** terdiri daripada staf (akademik dan bukan akademik) dan pelajar yang terlibat dalam aktiviti jaringan industri, masyarakat dan alumni. Manakala **pelanggan luar** pula terdiri daripada Universiti, Industri/NGO, Agensi Kerajaan, komuniti, alumni dan ibubapa/penjaga. (FPA.K3.Pelanggan_3.2_B1(c))

Pelbagai usaha telah dilakukan bagi mendekati kumpulan sasar tersebut dan FPA sentiasa prihatin dengan setiap keperluan dan maklumbalas yang diberikan. Melalui **bahagian ICAN**, FPA telah mengenalpasti dan merangka pelbagai program untuk memastikan penglibatan aktif bersama alumni, komuniti dan juga program berkaitan kesukarelawan. Setiap perancangan yang sistematik akan dibentangkan dan direkodkan dalam **Template of SAP** semasa **Bengkel Pelarasan Pelan Strategik** dan **Sistem UiSMS UiTM**. (FPA.K3.Pelanggan_3.2_B2)

FPA melalui Bahagian PJIA telah mengambil inisiatif menganjurkan program **Farm and Fun Run 2024** yang melibatkan **Persatuan Alumni Perladangan UiTM (PAPU)**. Program ini telah menjadi medan interaksi dan perbincangan di kalangan alumni yang hadir bersama pengurusan eksekutif FPA. Pandangan dan maklumbalas dari alumni juga dapat dikenalpasti melalui platform **Telegram rasmi Alumni Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Facebook Fakulti Perladangan dan Agroteknologi** serta **website FPA**. (FPA.K3.Pelanggan_3.2_B3)

FPA sangat komited dalam menyantuni kumpulan sasar bidang tumpuan dengan menetapkan sekurang-kurangnya **sepuluh (10) aktiviti komuniti perlu dijalankan pada setiap tahun**. FPA melalui dana daripada agensi **APPGM-SDG** telah menjalankan satu projek kebun komuniti iaitu **Projek Tanaman Sayuran secara Hidroponik**. Projek ini telah menjadi salah satu platform untuk **mendekatkan FPA dengan komuniti setempat** dari Felcra Seri Mendapat. (FPA.K3.Pelanggan_3.2_B4 (a)-b))

Program sukarelawan antarabangsa, **Global Wellness Leadership Week** yang dijalankan bersama empat (4) penganjur lain telah dilaksanakan untuk memberi kesedaran kesihatan kepada masyarakat dan medan untuk mendekati komuniti setempat. **Kelab Sukarelawan dan Kepimpinan FPA** juga telah menganjurkan **Program Beach Clean-Up 2024** dan **Program Outreach Pasca Banjir**. Program ini dijalankan dengan kerjasama **Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)** dan **komuniti NGO WeCare**. Program sukarelawan ini dilihat dapat mendekatkan FPA dengan komuniti sekaligus menampilkan ketampakan FPA dan UiTM di mata masyarakat serta menyokong usaha ke arah **GRU 2025**. (FPA.K3.Pelanggan_3.2_B5)

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_T01_TB02_20251_FPA.K3.Pelanggan_3.2_B1\(a\)-\(c\).pdf](#)
2. [F0065_T01_TB02_20252_FPA.K3.Pelanggan_3.2_B2.pdf](#)
3. [F0065_T01_TB02_20253_FPA.K3.Pelanggan_3.2_B3.pdf](#)
4. [F0065_T01_TB02_20254_FPA.K3.Pelanggan_3.2_B4 \(a\)-\(b\).pdf](#)
5. [F0065_T01_TB02_20255_FPA.K3.Pelanggan_3.2_B5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Di FPA, pelbagai cara dan saluran digunakan untuk mengumpulkan data pelanggan yang berkualiti berkaitan dengan bidang tumpuan. Borang maklumbalas pelanggan atas talian melalui **google form** akan diedarkan di setiap program yang dianjurkan di FPA. Kaedah ini dapat mengenali pelanggan dengan lebih cepat dan tepat. Data yang terkumpul **hasil maklumbalas** yang diterima daripada pelanggan ini akan **dianalisa mengikut kriteria** yang telah ditetapkan. Dapatan hasil analisa ini akan digunakan bagi melaksanakan aktiviti seterusnya dengan mengambil kira cadangan penambahbaikan bagi memastikan program yang berimpak dapat dilaksanakan. Selain itu, FPA melalui **Koordinator Korporat** atau **Moderator** yang telah dilantik turut mengambil inisiatif mengumpul aduan dan maklum balas luar yang diterima melalui **sistem e-Aduan UiTM**. Moderator FPA akan menerima email aduan yang berkaitan dan akan dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif(MPE) untuk mengambil tindakan yang sebaiknya. **(FPA.K3.Pelanggan_3.3_B1 (a)-(c))**

Pengurusan FPA juga mengambil langkah untuk mengumpulkan data pelanggan yang berfokus menerusi pelaksanaan projek komuniti berimpak tinggi sejajar dengan hala tuju baharu ICAN 2024 **“Comprehensively Excellent.... for Our Community”**. FPA beraspirasi mengimbangi **keterlibatan (sustainable engagement)** bersama alumni, komuniti dan industri dalam pelbagai program bagi menjalinkan hubungan yang berterusan. Penglibatan komuniti antarabangsa dan setempat dalam aktiviti kemasyarakatan **PLANT TISSUE CULTURE TECHNOLOGY TRANSFER BERSAMA PETANI DI SABAK BERNAM** yang berteraskan Service Learning Malaysia: University for Society SULAM memberi peluang untuk pengumpulan data pelanggan dan juga mencapai **Performance Indicator (PI075)**. **(FPA.K3.Pelanggan_3.3_B2 (a)-(b))**

Pengumpulan maklumat berkaitan alumni diselaraskan oleh **Penyelaras Alumni** yang telah dilantik di FPA. Maklumat alumni yang terkini diperlukan untuk merangka program yang signifikan dengan mengambil **kira kepakaran alumni** bagi mencapai **Performance Indicator (PI080)**. Data yang dikumpul ini telah menggalakkan **penglibatan alumni** dalam aktiviti berteraskan **‘Alumni Expert Service Programme’** secara lebih efektif seperti **Program: Bicara Kerjaya Wanita dalam Sektor Perladangan, Career Talk: Plant Your Future: Cultivate a Thriving Career!, Career Talk: Industrial Career Talk in Business Sector** dan **Program: Career Talk Entrepreneur (FPA.K3.Pelanggan_3.3_B3)**. Bagi mengenal pasti alumni yang telah berkecimpung dalam bidang keusahawanan, FPA telah mengambil inisiatif dengan mengumpul data **alumni** usahawan melalui **google form** dan membuat pengemaskinian di **Sistem Maklumat Analisa & Repositori ‘SMART’**. Selain itu, FPA juga menyebarkan luas berkenaan **My Alumni Virtual Card UiTM** bagi mengenalpasti jumlah peratusan **alumni** yang menjadi usahawan dan mencapai **Performance Indicator PI019**. **(FPA.K3.Pelanggan_3.3_B4 (a)-(c))**

FPA melalui **Penyelaras** dan **Kelab Sukarelawan dan Kepimpinan FPA** sentiasa mengambil inisiatif untuk melaksanakan aktiviti yang dapat memupuk nilai kemasyarakatan dan semangat kesukarelawan kepada komuniti seperti **Program Sehari bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz** dan **Outreach Pasca Banjir**. Di samping dapat memberi sumbangan dalam bentuk tenaga serta kemahiran, program seumpama ini turut memberi kesedaran tentang **kepentingan masyarakat yang aman demi pembangunan mampan (SDG 16)**. **(FPA.K3.Pelanggan_3.3_B5 (a) (b))**

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_T01_TB03_20251_FPA.K3.Pelanggan_3.3_B1 \(a\)-\(c\).pdf](#)
2. [F0065_T01_TB03_20252_FPA.K3.Pelanggan_3.3_B2 \(a\)-\(b\).pdf](#)
3. [F0065_T01_TB03_20253_FPA.K3.Pelanggan_3.3_B3.pdf](#)
4. [F0065_T01_TB03_20254_FPA.K3.Pelanggan_3.3_B4 \(a\)-\(c\).pdf](#)

5. [F0065_T01_TB03_20255_FPA.K3.Pelanggan_3.3_B5\(a\)\(b\).pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan FPA sentiasa cakna dalam memenuhi kehendak pelanggan JAKK melalui kaedah pemantauan yang dilaksanakan secara berterusan. Penekanan ke atas kaedah pemantauan ini dapat memberi kebaikan dan ganjaran kepada pelanggan dengan penghasilan program yang lebih baik dari sebelumnya. FPA melalui Koordinator ICAN telah menjalankan **Bengkel Pengukuhan Projek Komuniti** kepada semua Ketua Projek Komuniti (pelanggan proses) agar pemantauan dan kriteria pelaporan perlu jelas dan komprehensif. Pelaporan perlu menunjukkan keberkesanan program serta manfaat yang diterima oleh pelanggan selari dengan perkara 5.0 Kriteria Pelaporan Pelaksanaan Projek dalam **Manual Libatsama Komuniti**.
(FPA.K3.Pelanggan_3.4.1_B1 (a)-(b))

Pemantauan terhadap program Bengkel Pembuatan Baja Organik dilaksanakan secara lawatan terus ke tapak projek. Hasil laporan mendapati komuniti yang terlibat telah mahir menghasilkan baja organik dan tanaman tumbuh subur selaras dengan teknik yang diajar semasa bengkel dijalankan. Kebaikan yang diperolehi adalah pelanggan mendapat **pengalaman hands-on kaedah penyediaan dan penggunaan baja organik** dalam menyokong amalan pertanian lestari. Selain itu, projek ini juga mendapat **ganjaran penarafan 3 bintang** menjadikan projek ini sebagai projek berimpak tinggi. **(FPA.K3.Pelanggan_3.4.1_B2 (a)-(b))**

Selain daripada itu, **pemantauan bagi Projek Kebun Komuniti: Tanaman Sayuran Secara Hidroponik** dijalankan melalui **kaedah pembentangan secara berkala** mengikut fasa projek. Hasil pemantauan telah membuktikan pelanggan menggunakan ilmu dan teknologi yang disampaikan dan memberi peningkatan positif yang berpanjangan. Ganjaran paling signifikan ialah projek ini memberi manfaat secara terus dari amalan **inovasi** seperti **peningkatan kualiti dan pendapatan** seperti yang digariskan dalam perkara 4.0 dalam Manual Libat sama Komuniti. **(FPA.K3.Pelanggan_3.4.1_B3 (a)-(b))**

Keberkesanan program **Career Talk: Plant Your Future** dan **Forum Realiti Sektor Perladangan** bersama **alumni** pula dipantau dibawah pelaporan sistem **SMART UiTM** dan diukur melalui pencapaian **performance indicator PI080**. **Mengikut Garis Panduan Jaringan Alumni UiTM**, program jaringan pintar alumni ini dapat meningkatkan keterlihatan alumni dan juga memperkasakan hubungan yang bermanfaat antara alumni dalam konteks peluang rangkaian kerjaya, serta perkongsian pengetahuan dan kemahiran.
(FPA.K3.Pelanggan_3.4.1_B4 (a)-(b))

Pengukuhan program kesukarelawan dengan agensi luar seperti MBMB dan NGO WeCare dapat memberi kebaikan kepada semua pelanggan bidang tumpuan. Antaranya adalah dapat **memupuk semangat kesukarelawan** dalam kalangan mahasiswa dan juga menyemai kefahaman mendalam tentang bagaimana setiap tindakan kecil dapat membantu merealisasikan **Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)**. **(FPA.K3.Pelanggan_3.4.1_B5)**

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_T01_TB04_TC01_20251_FPA.K3.Pelanggan_3.4.1_B1\(a\)-\(b\).pdf](#)
2. [F0065_T01_TB04_TC01_20252_FPA.K3.Pelanggan_3.4.1_B2\(a\)-\(b\).pdf](#)
3. [F0065_T01_TB04_TC01_20253_FPA.K3.Pelanggan_3.4.1_B3\(a\)-\(b\).pdf](#)
4. [F0065_T01_TB04_TC01_20254_FPA.K3.Pelanggan_3.4.1_B4\(a\)-\(b\).pdf](#)
5. [F0065_T01_TB04_TC01_20255_FPA.K3.Pelanggan_3.4.1_B5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan FPA menggunakan strategi pengurusan risiko yang selari dengan **Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM**. Penyelaras risiko FPA berperanan dalam mengenalpasti kategori risiko yang dapat menjejaskan pelaksanaan pelan strategik yang telah dirancang bersama pelanggan JAKK. Peranan tersebut termasuk juga menyediakan **template daftar risiko**, pengawasan dan aktiviti pengurusan risiko. Risiko untuk setiap program yang dirancang juga direkodkan oleh pemunya risiko di dalam sistem **UiSMS UiTM**.
(FPA.K3.Pelanggan_3.4.2_B1 (a)-(b))

Penilaian pencapaian aktiviti bersama komuniti diukur melalui **Performance Indicator PI075**. FPA mengambil inisiatif yang pelbagai demi merealisasikan **Pillar 5** dalam **UiTM2025: Globally Respected University 2024** iaitu menekankan kepada libatsama yang tinggi bersama rakan industri, komuniti, pihak berkuasa dan agensi kerajaan dalam pembangunan komuniti setempat serta memberi impak yang maksimum kepada komuniti tersebut. Risikonya adalah apabila program yang dijalankan bersama komuniti **tidak mencapai penarafan 3 bintang** dan dikategorikan sebagai program tidak berimpak kerana dokumen pembuktian tidak disertakan seperti yang diterangkan dalam **Manual Libatsama Komuniti 2024**. Melalui Bahagian **ICAN FPA**, setiap maklum balas diperincikan dan tindakan penambahbaikan telah dimaklumkan kepada Ketua Projek Komuniti agar semua pelaksana program/projek mengambil langkah yang progresif bagi program yang seterusnya. (FPA.K3.Pelanggan_3.4.2_B2 (a)-(c))

FPA sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan entiti alumni untuk memastikan hubungan yang berterusan dan memberi faedah kepada kedua-dua pihak. Pengukuran pencapaian dapat diukur melalui **pelaporan kerjasama alumni FPA melalui sistem SMART** (FPA.K3.Pelanggan_3.4.2_B3). Namun, risikonya adalah kurang penyebaran mengenai pengumpulan data alumni dan kesannya data/maklumat alumni di FPA tidak dapat dikemaskini. Oleh itu, FPA melalui **Penyelaras Alumni** telah mengambil pelbagai inisiatif seperti mewujudkan **Telegram** dan **Facebook Alumni** agar penyebaran maklumat dapat dikongsi dengan cepat dan tepat. Selain itu, **Pusat Jaringan Alumni UiTM** juga turut menyarankan agar menggunakan corak/tanda pagar atau lain-lain simbol komersial seperti hashtag #FPAUiTM, dan #PAPU agar **keterlibatan alumni** dalam program FPA dan UiTM dapat ditonjolkan kepada orang awam. (FPA.K3.Pelanggan_3.4.2_B4 (a)-(b))

Penyelaras risiko FPA sentiasa memastikan pengurusan risiko ditambah baik dan risiko yang sama tidak berulang bagi program yang seterusnya. **Kerjasama dengan agensi/NGO** luar bagi program sukarelawan telah mengurangkan risiko projek seperti implikasi kewangan yang dapat menjejaskan pelaksanaan program. FPA melalui BHEP juga sentiasa memastikan agar kos berkaitan **program kemasyarakatan ini diberi keutamaan** agar program dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. (FPA.K3.Pelanggan_3.4.2_B5)

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_T01_TB04_TC02_20251_FPA.K3.Pelanggan_3.4.2_B1\(a\)-\(b\).pdf](#)
2. [F0065_T01_TB04_TC02_20252_FPA.K3.Pelanggan_3.4.2_B2\(a\)-\(c\)\).pdf](#)
3. [F0065_T01_TB04_TC02_20253_FPA.K3.Pelanggan_3.4.2_B3.pdf](#)
4. [F0065_T01_TB04_TC02_20254_FPA.K3.Pelanggan_3.4.2_B4\(a\)-\(b\).pdf](#)
5. [F0065_T01_TB04_TC02_20255_FPA.K3.Pelanggan_3.4.2_B5.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Setiap program yang dijalankan memerlukan kelulusan dari pengurusan eksekutif FPA melalui **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)**. Oleh itu, setiap maklum balas berkaitan program perlu diperincikan untuk memudahkan tindakan penambahbaikan bagi program yang seterusnya. **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan** antara medium yang digunakan untuk mengkaji semula dan membuat penambahbaikan terhadap jumlah program yang melibatkan komuniti dalam Manual Kualiti FPA. Hasil Kajian telah menetapkan **peningkatan jumlah program bersama pelanggan JAKK** berbanding tahun sebelumnya. Maklum balas kepada pindaan ini akan diberikan kepada pelaksana (pelanggan proses) aktiviti/program untuk tujuan penambahbaikan. **(FPA.K3.Pelanggan_3.4.3_B1)**

Keberkesanan program dipantau melalui maklum balas pelanggan yang dikumpulkan selepas program berlangsung. FPA melalui Koordinator ICAN bertindak untuk menyelia setiap pelaporan yang dimasukkan ke dalam sistem **PRIME STAR RATING** bagi projek/program komuniti yang telah dijalankan agar berimpak tinggi. **Bengkel Hands-on** dengan menjadikan Manual Libatsama Komuniti sebagai rujukan turut dilakukan agar pelaporan aktiviti bertambah baik dan mencapai penarafan bintang yang sewajarnya. **(FPA.K3.Pelanggan_3.4.3_B2 (a)-(b))**

Maklum balas alumni dikumpul menggunakan platform atas talian seperti Telegram Alumni, Facebook FPA dan Aplikasi WhatsApp **(FPA.K3.Pelanggan_3.4.3_B3)**. Hasil daripada maklumbalas ini akan dibincangkan dan **tindakan penambahbaikan** akan dilakukan dengan segera agar mencapai kepuasan hati pelanggan pada program yang seterusnya. Pengumpulan data melalui **sistem integrasi MyAlumni Virtual UiTM Card** telah membantu pengumpulan data alumni secara sistematik melalui pendaftaran yang dikendalikan oleh Pusat Jaringan Alumni UiTM (ICAN). **(FPA.K3.Pelanggan_3.4.3_B4 (a)-(b))**

Bagi mengambil tindakan penambahbaikan yang proaktif terhadap aduan pelanggan, mesyuarat dan bengkel telah diadakan agar dapat memastikan segala bentuk perancangan dapat berjalan lancar. Penambahbaikan pelaporan dalam **sistem SiPP** berkaitan aktiviti kesukarelawan antarabangsa seperti **GLOBAL GREEN: STUDENT INTERNATIONAL VOLUNTEERISM** telah membantu untuk mencapai **PI028**. **(FPA.K3.Pelanggan_3.4.3_B5)**

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_T01_TB04_TC03_20251_FPA.K3.Pelanggan_3.4.3_B1.pdf](#)
2. [F0065_T01_TB04_TC03_20252_FPA.K3.Pelanggan_3.4.3_B2\(a\)-\(b\).pdf](#)
3. [F0065_T01_TB04_TC03_20253_FPA.K3.Pelanggan_3.4.3_B3.pdf](#)
4. [F0065_T01_TB04_TC03_20254_FPA.K3.Pelanggan_3.4.3_B4\(a\)-\(b\).pdf](#)
5. [F0065_T01_TB04_TC03_20255_FPA.K3.Pelanggan_3.4.3_B5.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tindakan penambahbaikan yang diambil oleh FPA terbukti telah memberi **kesan yang amat baik dan signifikan** kepada pelanggan JAKK dan mencapai objektif yang telah dirancang semasa **Bengkel Perancangan Strategik FPA**. Pelbagai program yang dilaksanakan telah **merapatkan jurang antara masyarakat dan FPA serta UiTM** sebagai satu proses memasyarakatkan universiti. Perkara ini selaras dengan **hasrat universiti untuk memasyarakatkan kewujudannya sebagai sebuah UA** agar kewujudannya dirasai, kehadirannya dapat dilihat dan suaranya didengari masyarakat. Integrasi pertukaran pengetahuan dan aplikasi/teknologi adalah pembudayaan yang dilaksanakan dalam projek komuniti. Antaranya **12 Modul** yang terhasil telah berjaya diikuti oleh komuniti yang terlibat. **(FPA.K3.Pelanggan_3.5_B1)**

Hasil dari kajian semula dan penambahbaikan yang dibuat terhadap pelanggan JAKK, FPA telah mendapat **penarafan 3 bintang** bagi **4 program utama** yang dijalankan iaitu **Bengkel Penyediaan Baja Organik untuk Penanaman Sayuran, Plant Tissue Culture Technology Transfer bersama Petani Sabak Bernam dan Kursus Sabun Organik Ekoenzim. Perbincangan dan komunikasi dua hala** Bahagian ICAN FPA dan Ketua Projek Komuniti di **platform WhatsApp** telah membantu pelaksanaan dan pelaporan projek yang berimpak. Inisiatif penambahbaikan yang diambil telah melayakkan FPA untuk memenangi tempat **KETIGA Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Respected 2024: PILLAR 5(HIGHLY INVOLVED INDUSTRY, COMMUNITY, and AUTHORITY/GOVERNMENT AGENCIES)** **(FPA.K3.Pelanggan_3.5_B2 (a)-(b))**

Setiap aktiviti dan program yang melibatkan alumni pula perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan dipantau agar dapat memperkasakan penglibatan alumni dalam berkongsi kepakaran yang mereka ada di luar sana. Hebahan program akan dipromosikan menggunakan pelbagai platform yang telah tersedia seperti Telegram dan Facebook FPA agar maklumat dapat disampaikan dengan cepat dan jelas kepada semua pelanggan. FPA telah mendapat **TEMPAT PERTAMA Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Respected 2024: PILLAR 6(ENGAGING ALUMNI)** hasil hubungan baik berterusan antara **FPA dan Persatuan Alumni Perladangan UiTM (PAPU)** dalam pelbagai program **(FPA.K3.Pelanggan_3.5_B3 (a)-(d))**. Kejayaan FPA mendapatkan **geran Alumni 7k** dan menganjurkan program **Farm and Fun Run 2024** yang melibatkan jumlah alumni yang ramai dan juga komuniti luar menunjukkan keberkesanan setiap langkah penambahbaikan yang diambil. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan mencapai tahap kegirangan pelanggan yang memuaskan. **(FPA.K3.Pelanggan_3.5_B4)**

Penetapan penganjuran program sukarelawan berteraskan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)** bukan sekadar **memupuk semangat sukarelawan** malah turut **memberi nilai tambah** kepada pelajar (pelanggan proses). Keberkesanan penambahbaikan yang diambil terbukti apabila pelbagai program dengan kerjasama agensi luar dapat dilaksanakan seperti **Outreach Pasca Banjir, Beach Clean Up dan Program Sehari bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz.** **(FPA.K3.Pelanggan_3.5_B5)**

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_T01_TB05_20251_FPA.K3.Pelanggan_3.5_B1.pdf](#)
2. [F0065_T01_TB05_20252_FPA.K3.Pelanggan_3.5_B2\(a\)-\(b\).pdf](#)
3. [F0065_T01_TB05_20253_FPA.K3.Pelanggan_3.5_B3\(a\)-\(d\).pdf](#)
4. [F0065_T01_TB05_20254_FPA.K3.Pelanggan_3.5_B4.pdf](#)
5. [F0065_T01_TB05_20255_FPA.K3.Pelanggan_3.5_B5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) mengamalkan pendekatan penambahbaikan berterusan secara berstruktur berasaskan prinsip **PDCA** yang diperkukuh dengan kerangka **ADLI**. Pendekatan ini membolehkan fakulti menyeimbangkan antara perancangan strategik, pelaksanaan sistematik, pemantauan berterusan serta tindakan penambahbaikan yang menyeluruh, sekali gus memberi impak positif kepada bidang tumpuan.

FPA **Plan (Rancang)**, menetapkan sasaran tahunan berpandukan CSPI UiTM, objektif kualiti fakulti dan Skor MyRA. Sasaran ini dirangka secara sistematik melalui mesyuarat rasmi seperti **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif, Mesyuarat Pensejajaran Penjana Pendapatan dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan**. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip **Approach**, yang menekankan **Akauntabiliti (Accountability), Integriti (Integrity)** serta **Penglibatan (Engagement)** seluruh warga fakulti, pelajar, alumni dan industri.

Seterusnya, **fasa Do (Laksana)** memperlihatkan usaha fakulti menterjemahkan perancangan strategik melalui pelaksanaan program yang dirancang bagi setiap pemegang PI yang melibatkan bahagian HEA, HEP dan PJI seperti International SULAM (komuniti), Global Volunterism Week (kesukarelawan) dan Karnival Agri Siswa (KAS) 2024 (alumni). Program berimpak tinggi ini direkodkan menggunakan pelbagai sistem digital seperti **UePMO, UiSMS, MyAlumni Virtual Card, PRIME, SMART dan SiPPP**. Kesemua sistem ini berfungsi untuk merekod, menilai dan mengukur prestasi fakulti secara menyeluruh. Pelaksanaan program menekankan prinsip **Deployment**, berasaskan **Keterangkuman (Inclusivity)** supaya setiap pihak staf, pelajar, alumni, komuniti dan industri dapat menyumbang kepada kejayaan bersama. Dalam masa yang sama, aspek **Komunikasi (Communication)** diperkukuh melalui platform rasmi alumni seperti **Telegram dan Facebook** yang meningkatkan capaian maklumat, interaksi serta penglibatan aktif.

Bagi fasa **Check (Semak)**, FPA melaksanakan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan secara berstruktur untuk menilai pencapaian sasaran strategik. Pemantauan prestasi dilakukan melalui **laporan berkala, laporan risiko e-RMS, audit dalaman dan mesyuarat pemegang PI. Pengurusan Risiko (Risk Management)** turut diberi keutamaan bagi menjamin ketelusan dan keberkesanan strategi yang telah dilaksanakan. Proses ini menggambarkan prinsip **Learning**, di mana fakulti mengenal pasti jurang prestasi, menganalisis keberkesanan tindakan serta mengambil iktibar untuk memperkukuh keberhasilan masa hadapan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan bagi pengukuran data dan penilaian pencapaian bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) di FPA adalah melalui: **(Rujuk FPA.K4.Pengukuran_4.2_B1(a)_ (b))**

1. Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) FPA

Perancangan berkaitan pencapaian bidang tumpuan JAKK secara keseluruhannya dibincangkan dalam MPE yang terdiri daripada Pengurusan Eksekutif FPA, Penolong Pendaftar Pentadbiran, Penolong Bendahari, Ketua Unit Kualiti (KUK) dan Penyelaras Perancangan Strategik Universiti (PSTU). Perancangan yang sistematik dibincangkan bagi merealisasikan kejayaan Penunjuk Prestasi (PI) Tahunan yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

2. Mesyuarat Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar (MPHEP)

Perancangan bagi beberapa PI bidang tumpuan JAKK (Komuniti dan Kesukarelawan) dibincangkan dalam MPHEP secara dalaman. Ini dilakukan sebelum dibentang dan diperincikan dalam Mesyuarat Pensejajaran Penjana Pendapatan (MPPP) 2024 sebagai langkah sistematik untuk penghasilan idea projek berimpak tinggi bagi PI yang ditetapkan.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan (MJP)

Jabatan Penyelidikan dan Hubungan Industri FPA bertanggungjawab dalam perancangan dan pelaksanaan PI bidang tumpuan JAKK berkaitan Jaringan Alumni dan Komuniti. Sumbangan idea bernas dan berkualiti dilaksanakan dalam perancangan program strategik bagi pencapaian PI yang cemerlang dan berjaya.

4. Mesyuarat Pensejajaran Penjana Pendapatan (MPPP) FPA tahun 2024

MPPP adalah bertujuan memuktamadkan perancangan PI bagi FPA termasuk bidang tumpuan JAKK. PSTU bertindak sebagai moderator dan pemudah cara bagi memastikan projek strategik JAKK yang dirancang mampu menghasilkan impak besar kepada FPA secara khusus dan UiTM, komuniti dan negara secara keseluruhannya.

Pengukuran pencapaian bidang tumpuan JAKK di FPA adalah berlandaskan **PI yang ditetapkan oleh BTU, Objektif Kualiti FPA** serta **Skor MyRA (Malaysia Research Assessment)** sejajar dengan **Perancangan Strategik (PS) UiTM 2025** dalam menjalin perkongsian pintar bersama industri, komuniti dan jaringan alumni serta mendokong **Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12)** bertemakan Malaysia Makmur, Inklusif dan Mapan. Antara **pengukuran** yang digunakan ialah: **(Rujuk FPA.K4.Pengukuran_4.2_B2(a)_ (c))**

1. Penunjuk Prestasi (PI) UiTM Tahun 2024:

i. JARINGAN ALUMNI

- a. **PI019:** Bilangan alumni yang berjaya menjadi usahawan.
- b. **PI080:** Bilangan program perkhidmatan kepakaran alumni.
- c. **PI138:** Bilangan alumni berdaftar dalam *My Alumni UiTM Virtual Card*.

ii. KOMUNITI

- a. **PI076:** Bilangan *Knowledge Transfer Programmes* (KTP).
- b. **PI077:** Jumlah dana diterima daripada pihak luar untuk program *USR/KTP*.
- c. **PI078:** Jumlah dana fakulti dibelanjakan untuk program *USR/KTP*.
- d. **PI079:** Bilangan komuniti menerima manfaat daripada projek pemindahan ilmu/teknologi.

iii. KESUKARELAWAN

- a. **P027:** Bilangan program SULAM Antarabangsa (*Knowledge Transfer Programmes*) dengan kerjasama industri/komuniti berhubung dengan pembelajaran perkhidmatan aktiviti yang dipetakan kepada elemen SDG.
- b. **P028:** Bilangan Program Sukarelawan Antarabangsa dengan kerjasama industri yang dibiayai oleh dana/geran negara, antarabangsa atau industri dari segi kewangan atau barangan.
- c. **PI075:** Bilangan program *University Social Responsibility* (USR).

2. Objektif Kualiti FPA:

- i. **Objektif Kualiti 9** - Memastikan sekurang-kurangnya 10 aktiviti komuniti/ pengantarabangsaan/ keusahawanan dijalankan di FPA pada setiap tahun

3. Skor MyRA

Peningkatan skor MyRA bukan hanya memenuhi penilaian malah ia mengukuhkan peranan FPA dalam bidang JAKK melalui pengukuhan jaringan alumni dan industri serta penglibatan berimpak dengan komuniti dan program sukarelawan.

Secara keseluruhannya, perancangan strategik yang mantap serta pengukuran pencapaian yang berterusan memastikan FPA terus cemerlang di peringkat nasional dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_A01_AB02_20251_FPA.K4.Pengukuran_4.2_B1\(a\)-\(b\).pdf](#)
2. [F0065_A01_AB02_20252_FPA.K4.Pengukuran_4.2_B2\(a\)-\(c\).pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan data yang efektif dan berkesan merupakan aspek penting dalam **perluasan** dan penilaian pencapaian bidang tumpuan JAKK. Pemetaan JAKK adalah berpaksikan pengukuran yang dikemudi oleh Penasihat Program (PP) yang dilantik. PP bertanggungjawab dalam pengumpulan dan penganalisaan pengukuran JAKK berdasarkan data terperinci yang diperoleh.

Data JAKK diterjemahkan melalui **pencapaian cemerlang warga FPA** yang menyumbang kepada kegemilangan FPA. **Sumber ukuran** pencapaian individu diukur melalui **MyATP** dan **HR2U** yang merupakan pengkalan data pencapaian individu. Kecemerlangan warga FPA diraikan dalam **Majlis Anugerah Kualiti dan Apresiasi Staf (MAKA) FPA**. (Rujuk **FPA.K4.Pengukuran_4.3_B1**)

Selain pencapaian individu, data juga diinterpretasi melalui **prestasi FPA yang** diukur melalui **pencapaian PI** seperti bilangan program perkhidmatan kepakaran alumni, bilangan *Knowledge Transfer Programmes* (KTP) dan bilangan komuniti yang menerima manfaat dari KTP serta bilangan program *University Social Responsibility* (USR) di peringkat nasional dan antarabangsa. **Sumber ukuran** prestasi FPA diperoleh melalui **Sistem Data UiTM** seperti **Dashboard PowerBI, University Electronic Programme Management Office (UePMO), UiTM Strategic Management System (UiSMS), Portal for Research and Innovation Management (PRIME) dan Sistem Maklumat Analisa & Repositori (SMART)** termasuk **sistem Pemohonan Program Pelajar (SiPPP)** yang merupakan inovasi oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) FPA. Disamping itu, keberkesanan program strategik JAKK **diukur melalui Kajian Kepuasan Pelanggan** dengan kaedah pengedaran **Borang Kajian Kepuasan Pelanggan** kepada peserta (komuniti) dan penganjur itu sendiri (pensyarah dan pelajar) bagi setiap program yang dilaksanakan. **Sistem e-aduan** juga menjadi platform kepada komuniti untuk memberi input yang menjadi **sumber ukuran** keberkesanan program melibatkan komuniti dan sukarelawan. Tidak ketinggalan juga, **Students' Feedback Online (SuFO)** menjadi pengkalan data bagi program SULAM sebagai pengukuran pencapaian bidang JAKK. (Rujuk **FPA.K4.Pengukuran_4.3_B2(a)(c)**)

Unit Kualiti, Jabatan Penyelidikan dan Hubungan Industri (PJI) serta HEP FPA yang terdiri daripada koordinator, penyelaras dan PP bersama PSTU berperanan dalam **pengumpulan dan pengemaskinian data secara sistematik**. **Unit Kualiti, PJI dan HEP** bertanggungjawab menyemak pengukuran di peringkat fakulti melalui sistem **SiPPP, PRIME dan SMART** termasuk **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)** manakala semakan oleh PSTU adalah melalui sistem **Dashboard PowerBI, UiSMS dan UePMO** di peringkat universiti. (Rujuk **FPA.K4.Pengukuran_4.3_B3**)

Data **dikumpul secara berkala dan berperingkat** mengikut kekerapan analisa yang telah ditetapkan. (Rujuk **FPA.K4.Pengukuran_4.3_B4**)

1. Pengkalan data dari **SiPPP, PRIME dan SMART** – secara **bulanan** (oleh PP)
2. Pengkalan data dari **SuFO** – **selepas program** (oleh pelajar)
3. Pengkalan data dari **UePMO** – secara **bulanan** (oleh BTU)
4. Pengkalan data dari **Dashboard PowerBI** – secara **suku tahun** (oleh PSTU)
5. Pengkalan data dari **UiSMS** – secara **tahunan** (oleh PSTU)
6. Pengkalan data dari **eADUAN UiTM** – dari **semasa ke semasa** (oleh Moderator)
7. **Kajian Kepuasan Pelanggan** – **selepas program** (oleh PP)
8. Data bagi **pencapaian objektif kualiti** – secara **tahunan** (oleh Ketua Unit Kualiti (KUK))

Data analisa **dikaji secara berterusan** bagi pengesanan tren prestasi, mengenalpasti perubahan berdasarkan tempoh masa dan risiko. Perbincangan dan analisa kawalan risiko dilakukan oleh Pengurusan Eksekutif FPA bersama PSTU dan PP bagi pengukuran yang tidak mencapai sasaran dan merangka strategi agar perancangan bidang tumpuan tercapai. **(Rujuk FPA.K4.Pengukuran_4.3_B4)**

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_A01_AB03_20251_FPA.K4.Pengukuran_4.3_B1.pdf](#)
2. [F0065_A01_AB03_20252_FPA.K4.Pengukuran_4.3_B2\(a\)-\(c\).pdf](#)
3. [F0065_A01_AB03_20253_FPA.K4.Pengukuran_4.3_B3.pdf](#)
4. [F0065_A01_AB03_20254_FPA.K4.Pengukuran_4.3_B4.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pencapaian penunjuk prestasi, objektif kualiti fakulti dan skor MyRA dikoordinasikan bersama Pengurusan Kanan Fakulti, Unit Kualiti, Unit Perancangan Strategik dan Unit Pengurusan Risiko melalui mekanisme pelaporan berkala. Antara laporan yang disediakan adalah seperti berikut: **(FPA.K4.Pemantauan_4.4.1_B1(a)-(c))**

- i. Laporan Pencapaian Penujuk Prestasi
- ii. Laporan Pencapaian Objektif Kualiti FPA
- iii. Laporan Risiko e-RMS
- iv. Laporan Audit dalam

Pemantauan pelaksanaan menfokuskan kepada penilaian suku tahunan bagi memastikan sasaran tercapai serta menepati standard kualiti yang ditetapkan. Sistem pemantauan digunakan mengikut fokus bidang seperti **sistem UePMO dan UiSMS dari Bahagian Transformasi Universiti (BTU)** untuk pemantauan PI universiti. Pemantauan PI alumni dibuat melalui data dan program alumni yang direkodkan di dalam **MyAlumni UiTM Virtual Card**. Bagi pemantauan pencapaian PI komuniti dipantau melalui **Sistem PRIME dan SMART**, manakala PI kesukarelawan melalui **Sistem Permohonan Program Pelajar (SiPPP)**.

Hasil pemantauan dianalisa oleh setiap bahagian PTJ dengan membuat **perbandingan trend dan jurang skor semasa** berbanding sasaran universiti. Perkara ini seterusnya dibincangkan dalam Mesyuarat Bahagian Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan Industri. **(FPA.K4.Pemantauan_4.4.1_B2)(a)-(c))**. Pelaporan hasil pemantauan ini dibentangkan dalam **Mesyuarat Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA)** seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) dan Jawatankuasa Auditor Dalaman Fakulti. **(FPA.K4.Pemantauan_4.4.1_B3)(a)-(c))**.

Hasil analisa digunakan untuk mengenal pasti pelan tindakan dan merangka program alumni, komuniti dan kesukarelawan yang lebih berfokus dan berimpak. Ianya telah dibincangkan dalam **Mesyuarat Pensejajaran Penajaan Pendapatan Fakulti** yang dahulunya dikenali sebagai Bengkel Perancangan Strategik Fakulti. **(FPA.K4.Pemantauan_4.4.1_B4)**.

Antara pelan tindakan yang dilaksanakan untuk penambahbaikan termasuklah **menjalin kolaborasi bersama fakulti lain, kampus cawangan serta industri** bagi menangani kekangan kewangan dalam melaksanakan program kesukarelawan peringkat antarabangsa. Selain itu, **bengkel pengukuhan projek komuniti** telah dijalankan bagi memastikan pelaporan program komuniti diisi dengan betul dan lengkap di dalam sistem PRIME, sekali gus membantu meningkatkan skor MyRA fakulti. Dari aspek pengumpulan data alumni pula, bahagian jaringan industri telah **mewujudkan pelbagai platform media sosial** seperti telegram, facebook dan whatsapp untuk mendapatkan maklumat pekerjaan dan jawatan terkini berkaitan dengan alumni. **(FPA.K4.Pemantauan_4.4.1_B5)**

Pencapaian prestasi dan kemajuan semasa turut diwarwarkan kepada warga fakulti menerusi perkongsian maklumat yang komprehensif dan terbuka melalui **poster yang informatif di media sosial** seperti Facebook Rasmi Fakulti. **(FPA.K4.Pemantauan_4.4.1_B6)**

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_A01_AB04_AC01_20251_FPA.K4.Pemantauan_4.4.1_B1\(a\)-\(c\).pdf](#)
2. [F0065_A01_AB04_AC01_20252_FPA.K4.Pemantauan_4.4.1_B2\(a\)-\(c\).pdf](#)
3. [F0065_A01_AB04_AC01_20253_FPA.K4.Pemantauan_4.4.1_B3\(a\)-\(c\).pdf](#)

4. [F0065_A01_AB04_AC01_20254_FPA.K4.Pemantauan_4.4.1_B4.pdf](#)
5. [F0065_A01_AB04_AC01_20255_FPA.K4.Pemantauan_4.4.1_B5\(a\)-\(c\).pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko berkaitan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan di fakulti dikenal pasti melalui pelbagai mekanisme kawalan yang selaras dengan **Polisi Pengurusan Risiko Universiti Teknologi MARA (UiTM)**. Proses mengenalpasti risiko dilaksanakan secara sistematik melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) fakulti, serta dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) bekerjasama bersama Koordinator HEA, ICAN dan HEP serta Penyelaras bahagian membuat analisa ke atas pelaksanaan program-program untuk pemantauan dan kajian semula supaya isu dan masalah tidak berulang. **(FPA.K4.Pemantauan_4.4.2_B1)(a)-(c))**.

Risiko dikenapasti melalui **analisis jurang** (gap analysis) dilaksanakan dengan membandingkan pencapaian semasa terhadap sasaran strategik universiti melalui sistem sokongan seperti PRIME, UePMO, e-RMS, MyAlumni Virtual Card, dan SiPPP. Risiko juga dikenal pasti melalui **audit dalaman** fakulti dan **maklum balas serta aduan** dari program yang telah dijalankan.

Antara risiko yang dikenalpasti dibahagian **alumni** adalah **maklumat terkini pekerjaan dan jawatan alumni tidak dikemas kini**. Maklumat alumni hanya diperoleh semasa majlis graduasi dan tidak dikemas kini secara berkala, menyebabkan data berkaitan pekerjaan dan jawatan terkini tidak tepat atau tidak lengkap. Kesukaran mendapatkan statistik tepat tentang pekerjaan terkini alumni boleh menjejaskan komunikasi dan penglibatan alumni dalam aktiviti universiti. Antara pelan tindakan yang dilakukan oleh Bahagian Jaringan Industri ialah mewujudkan portal dan aplikasi mudah alih untuk alumni mengemas kini maklumat terkini secara berkala seperti facebook, google form dan telegram. **(FPA.K4.Pemantauan_4.4.2_B2)**.

Di bahagian **komuniti**, antara risiko yang dihadapi adalah **kepelbagaian format laporan program komuniti dan maklumat yang tidak lengkap** dimasukkan di dalam sistem PRIME telah menyebabkan pencapaian Star Rating yang rendah. Isu berkaitan data pelaporan ini ditambahbaik dengan mengadakan bengkel pengukuhan projek komuniti oleh Koordinator ICAN supaya pengisian maklumat di dalam sistem PRIME adalah tepat dan lengkap. Kesannya, penarafan bintang fakulti telah meningkat dari 2* kepada 3* pada tahun 2024 berbanding 2023. **(FPA.K4.Pemantauan_4.4.2_B3)**.

Dari aspek **kesukarelawan, kekangan kewangan** merupakan risiko yang dihadapi untuk menjalankan program-program diperingkat antarabangsa. Kesannya, fakulti tidak dapat mencapai sasaran dan menjejaskan pencapaian prestasi semasa. Keadaan ini turut mengurangkan peluang pendedahan global kepada pelajar dan staf diperingkat antarabangsa. Sebagai tindakan strategik, fakulti telah menjalin kerjasama dengan fakulti lain, kampus cawangan, dan industri bagi berkongsi kos penganjuran program. **(FPA.K4.Pemantauan_4.4.2_B4)**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_A01_AB04_AC02_20251_FPA.K4.Pemantauan_4.4.2_B1\(a\)-\(c\).pdf](#)
2. [F0065_A01_AB04_AC02_20252_FPA.K4.Pemantauan_4.4.2_B2.pdf](#)
3. [F0065_A01_AB04_AC02_20253_FPA.K4.Pemantauan_4.4.2_B3.pdf](#)
4. [F0065_A01_AB04_AC02_20254_FPA.K4.Pemantauan_4.4.2_B4.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses analisis tindakan penambahbaikan di FPA dilaksanakan secara sistematik melalui **pemantauan berterusan** Petunjuk Prestasi (PI). Hasil pemantauan **dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Esekutif (MPE) FPA** (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B1 (a)-(c)) bagi setiap sukuan (setiap 3 bulan) untuk **menilai pencapaian, mengenal pasti jurang serta merangka penambahbaikan**. Isu strategik pula ditangani dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko** (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B2 (a)), manakala penyelarasan menyeluruh dilaksanakan dalam **Mesyuarat Pensejajaran Penjana Pendapatan (MPPP) FPA 2024** (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B2(b)). Analisis ini seterusnya membolehkan pelan penambahbaikan yang jelas dibangunkan, sekali gus memastikan PI dapat dicapai dengan berkesan.

Hasil pelaksanaan strategi ini memberi kesan positif kepada bidang tumpuan FPA. Dalam aspek **Alumni**, platform komunikasi rasmi seperti **Telegram Alumni FPA dan Facebook FPA Campus Jasin Alumni** (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B2 (c)) berjaya meningkatkan pengumpulan data yang lengkap, terkini dan mudah diakses. Keberkesanan ini terbukti melalui penglibatan aktif alumni dalam **Program Fun n Farm Run 2024 dan Karnival Agro Siswa (KAS) 2024**, (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B3 (a)) seterusnya melayakkan FPA menerima **Geran Program Alumni RM7K** sempena ulang tahun ke-25 UiTM (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B3 (b)) .

Bagi **Komuniti**, taklimat berstruktur dalam **Bengkel Pengukuhan Projek Komuniti** (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B3 (c)) meningkatkan ketepatan laporan, sekali gus **menaikkan pencapaian Star Rating**. Pada 2024, lebih banyak program didaftarkan dalam PRIME berbanding 2023, antaranya **International SULAM: Plant Tissue Culture, UiTM Living Lab: Kursus Sabun Cecair Organik dan Bengkel Baja Organik** (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B4 (a)).

Dalam aspek **Kesukarelawan**, kekangan kewangan diatasi melalui **kolaborasi** dengan fakulti dan kampus cawangan, antaranya **Global Wellness Leadership Week** (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B4 (b)), menjadi pemangkin kepada pelbagai inisiatif lain seperti **Program Outreach Pasca Banjir 2024 dan Program Sehari Bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz** (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B4 (c)).

Benchmarking di **MAHA 2024**, platform pertanian nasional, turut mengukuhkan jaringan bersama alumni, agensi dan industri bagi pembangunan inovasi komuniti (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B5 (a)). Strategi **penambahbaikan disebarkan melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif kepada Timbalan Dekan, Koordinator/Penyelaras hingga staf dan pelajar**. Penyampaian maklumat dalaman turut **diperkukuh melalui komunikasi** dalam kumpulan **WhatsApp rasmi Warga FPA** (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B5 (b)). Sementara itu, hebahan kepada **pihak luar dilaksanakan melalui Facebook rasmi FPA** (FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B5 (c)) yang berfungsi sebagai **one-stop center** maklumat fakulti, sekali gus memperkukuh saluran komunikasi rasmi FPA.

Keseluruhannya, pendekatan berstruktur ini meningkatkan pencapaian PI, mengukuhkan keterlibatan alumni, komuniti dan industri serta membudayakan penambahbaikan berterusan di FPA.

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_A01_AB04_AC03_20251_FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B1 \(a\)-\(c\).pdf](#)
2. [F0065_A01_AB04_AC03_20252_FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B2 \(a\)-\(c\).pdf](#)
3. [F0065_A01_AB04_AC03_20253_FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B3 \(a\)-\(c\).pdf](#)
4. [F0065_A01_AB04_AC03_20254_FPA.K4.Pengukuran_4.4.3_B4 \(a\)-\(c\).pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan tindakan penambahbaikan dalam bidang Alumni, Kesukarelawan dan Komuniti telah membentuk budaya baharu di FPA yang bersifat konsisten, sistematik dan berimpak tinggi (FPA.K4.Pengukuran_4.5_B1).

Pemantauan berkala serta penilaian berterusan yang di jalankan di dalam mesyuarat yang berkaitan (FPA.K4.Pengukuran_4.5_B2) dan melalui **instrumen dan sistem pelaporan** (FPA.K4.Pengukuran_4.5_B3 (a)) **telah membudayakan amalan berasaskan data**, sekali gus mengukuhkan keberkesanan pemantauan PI. Selain itu FPA juga membudayakan Pelaksanaan taklimat khas oleh **BPJI-ICAN** (FPA.K4.Pengukuran_4.5_B3 (b)) pula **menanam amalan perkongsian ilmu secara menyeluruh**, meningkatkan kefahaman warga fakulti terhadap kriteria program berimpak tinggi, serta melonjakkan bilangan projek sehingga menyumbang kepada pencapaian sasaran PI universiti.

Pada masa yang sama, **budaya penghargaan dan motivasi berstruktur** diperkukuh melalui penganjuran **Anugerah Kualiti dan Majlis Apresiasi Tahunan** bagi staf, manakala bagi pelajar melalui **Majlis Anugerah Kecemerlangan Kelab, Persatuan dan Pelajar (MAKEP) 2024** (FPA.K4.Pengukuran_4.5_B3 (c)). Hasil analisis turut menunjukkan bahawa pelbagai projek komuniti dan program kesukarelawan bersama alumni telah berjaya **dibudayakan di peringkat antarabangsa melalui jaringan kolaboratif merentas fakulti, dan UiTM cawangan**. Kejayaan ini membuktikan **wujudnya budaya kolaborasi dan ekosistem sinergi** di FPA, sekali gus mengangkat reputasi fakulti sebagai peneraju dalam jaringan **akademia–industri–komuniti** yang diiktiraf di peringkat universiti dan global (FPA.K4.Pengukuran_4.5_B4 (a)).

Tahap pembudayaan terbaik ini terbukti dengan peningkatan pencapaian PI secara konsisten daripada 84.2% (2023) kepada **89.3% (2024)**. Peningkatan ini turut diiktiraf di peringkat universiti apabila FPA dianugerahkan **Transformasi Kecemerlangan Globally Respected 2024: Pillar 5** (Highly Involved Industry, Community, Authority/Government Agencies) serta muncul sebagai **juara Pillar 6: Engaging Alumni** dalam **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2024)** (FPA.K4.Pengukuran_4.5_B4(b)). Selain itu, **peningkatan SKOR MyRA** daripada 2 Bintang (2023) kepada **3 Bintang (2024)** mencerminkan keberkesanan penambahbaikan berterusan dan komitmen fakulti dalam mencapai kecemerlangan (FPA.K4.Pengukuran_4.5_B4 (c)).

Kecemerlangan ini turut didorong oleh kolaborasi berterusan dengan komuniti, alumni dan industri. Sebagai contoh, FPA memperoleh **Geran All Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM-SDG) – Crop Power Sdn. Bhd.** melalui projek **Hidroponik Pintar: Memanfaatkan Teknologi untuk Memaksimumkan Kecekapan dan Hasil Pengeluaran Sayur** (FPA.K4.Pengukuran_4.5_B5 (a)) yang memberi **impak besar kepada komuniti setempat dengan pendapatan tambahan RM350–RM500** sebulan (FPA.K4.Pengukuran_4.5_B5 (b)). Kejayaan ini membuktikan bahawa program yang dilaksanakan adalah berterusan, lestari, dan bukan sekadar inisiatif “*touch and go*”.

Keseluruhannya, tahap pembudayaan yang terhasil adalah **pada aras terbaik**, membuktikan bahawa FPA bukan sahaja melaksanakan penambahbaikan, tetapi berjaya menginstitusikan budaya unggul yang diiktiraf di peringkat universiti dan global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_A01_AB05_20251_FPA.K4.Pengukuran_4.5_B1.pdf](#)
2. [F0065_A01_AB05_20252_FPA.K4.Pengukuran_4.5_B2.pdf](#)
3. [F0065_A01_AB05_20253_FPA.K4.Pengukuran_4.5_B3 \(a\)-\(c\).pdf](#)
4. [F0065_A01_AB05_20254_FPA.K4.Pengukuran_4.5_B4 \(a\)-\(c\).pdf](#)
5. [F0065_A01_AB05_20255_FPA.K4.Pengukuran_4.5_B5 \(a\)-\(b\).pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Plan (Perancangan)

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) merancang pembangunan sumber manusia dengan memperkukuh bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JAKK)**. Antara perancangan utama ialah memperkasakan 105 staf akademik dan pentadbiran dengan sokongan 14 kelab pelajar. Perancangan strategik turut meliputi pengoptimuman kepakaran 77 pensyarah, termasuk 51 berpengalaman industri, melalui pemeteraian lebih 20 MoU sejak 2020 bagi program kepimpinan, latihan industri, komuniti. Risiko sumber manusia turut dikenal pasti melalui bengkel pengurusan risiko, termasuk isu kekurangan staf PJI, tenaga pengajar bidang pengurusan perladangan dan perniagaantani, serta staf Unit Pengurusan Ladang (UPL).

Do (Pelaksanaan)

Pelaksanaan strategi dilakukan melalui sistem pengurusan prestasi dan pembangunan staf seperti LNPT, HR2U, latihan berkala, dan sokongan kenaikan pangkat. Budaya penghargaan disuburkan dengan penganugerahan tahunan APC dan MAKEP. Program berimpak seperti *Farm & Fun Run 2024* serta Majlis Anugerah Kualiti dan Apresiasi Staf dilaksanakan bagi meningkatkan motivasi, kesejahteraan, serta keterlibatan staf, alumni, pelajar dan komuniti. Bagi menangani isu kekurangan staf, fakulti mengambil langkah mitigasi dengan menyerahkan tadbir urus geran penyelidikan kepada fakulti serta mengoptimumkan tenaga kerja sedia ada.

Check (Pemantauan)

Pemantauan dilakukan secara sistematik melalui sistem **Electronic Risk Management System (eRMS)**, di mana setiap risiko didaftarkan, dinilai dan dipantau. Bengkel Pengurusan Risiko dijalankan sekali setahun bersama pemilik risiko untuk memastikan keselarasan pelaksanaan. Selain itu, fakulti memastikan staf mematuhi syarat **42 jam latihan setahun** dengan menghantar peringatan kepada mereka yang belum mencapai sasaran. Maklum balas staf selepas program juga dikumpul melalui borang penilaian untuk menilai tahap kepuasan serta keberkesanan penganjuran.

Act (Tindakan Penambahbaikan)

Berdasarkan hasil pemantauan, tindakan penambahbaikan dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan pengurusan sumber manusia. Antaranya, pengurusan kanan mempercepatkan kelulusan latihan untuk meningkatkan kompetensi staf, menambah baik penganjuran program berdasarkan maklum balas staf, serta menggalakkan penglibatan dalam inovasi seperti pertandingan E-CONDEV. Penambahbaikan ini turut melahirkan budaya kerja positif, profesional, dan kolaboratif, di samping memperkukuh budaya sukarelawan serta kesedaran kelestarian dalam kalangan warga fakulti.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pelaksanaan kitaran perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan ini telah meningkatkan pembangunan sumber manusia FPA, mengukuhkan jaringan strategik dengan alumni, komuniti, industri dan rakan antarabangsa, serta menzahirkan imej fakulti sebagai entiti progresif dan berkualiti selaras dengan aspirasi UiTM.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pihak pengurusan FPA sentiasa memfokuskan pemerkasaan dan kecemerlangan sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan JAKK. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi menggalakkan ketampakan warga fakulti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. FPA terdiri daripada 70 orang staf akademik dan 33 orang staf pentadbiran yang sentiasa bersedia memacu dan menjayakan program-program yang dirancang bagi menjayakan bidang tumpuan JAKK (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.2.1_B1**). Jumlah sedia ada staf seramai 105 orang turut menyumbang dalam kelancaran aktiviti bidang tumpuan.

FPA sentiasa melibatkan semua staf akademik dan pentadbiran dalam menjayakan aktiviti-aktiviti bidang tumpuan JAKK sama ada sebagai Penyelaras, Ahli Jawatankuasa dan Peserta seperti program Fun and Farm Run 2024 yang telah diadakan pada 14 Disember 2024 di Agrotech. Selain itu, kewujudan ICAN yang bernaung di bawah BPJI turut memudahkan jalinan aktiviti dilakukan bersama alumni dan komuniti. Bagi BHEP pula, sumber manusia dalam kalangan pelajar dapat juga disumbangkan dalam menjayakan aktiviti bidang tumpuan dengan wujudnya pelbagai kelab dan persatuan. Di bawah pengurusan BHEP FPA pula, terdapat 14 buah kelab dan persatuan yang dinaungi oleh penasihat dan ahli-ahli jawatankuasa (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.2.1_B2**).

Disamping itu, terdapat pelbagai kaedah yang digunapakai oleh FPA dalam melibatkan pengurusan sumber manusia termasuklah penyediaan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) melalui sistem myATP (staf akademik) dan sistem HR2U (staf pentadbiran). Ini merupakan instrumen penting untuk mengukur prestasi, keupayaan dan produktiviti staf UiTM. Pihak pengurusan FPA amat komited menggalakkan staf akademik dan pentadbiran untuk memohon kenaikan pangkat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Untuk Kenaikan Pangkat (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.2.1_B3**). Pihak FPA juga turut memantau pelaksanaan staf memenuhi minimum 42 jam latihan berdasarkan Pelaksanaan Latihan Kompetensi Umum, Khusus dan Latihan ICT. Seramai 51 staf akademik FPA direkodkan telah menghadiri kursus lebih 42 jam (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.2.1_B4**). Selain itu, perkara-perkara lain yang melibatkan pengurusan sumber manusia seperti cuti bersalin, melanjutkan pengajian, sabatikal turut dibincangkan di dalam mesyuarat ini.

Bagi memastikan motivasi dan komitmen yang berterusan daripada kalangan staf FPA, sistem penghargaan dan pengiktirafan telah dilaksanakan. FPA telah mengadakan Majlis Anugerah Kualiti dan Apresiasi Staf secara tahunan bagi memberi penghargaan kepada para staf yang menyumbang kepada fakulti. Pelbagai penganugerahan telah diberikan kepada staf yang berkecemerlang termasuklah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada staf FPA. Anugerah ini disampaikan setiap tahun bagi memberi pengiktirafan kepada staf yang cemerlang (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.2.1_B5**). Majlis ini juga adalah salah satu program bagi meningkatkan tahap Happiness Index di kalangan warga FPA.

Selain itu, sumbangan cemerlang yang diberikan oleh pelajar dalam kelab dan persatuan turut diberikan penghargaan dalam Majlis Kecemerlangan Kelab Persatuan dan Pelajar (MAKEP) yang juga diadakan secara tahunan. Oleh yang demikian, pengiktirafan dan penganugerahan yang bersesuaian ini dapat menjamin keterlibatan sumber manusia dalam menjayakan bidang tumpuan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_S01_SB02_20251_FPA.K5.Sumber Manusia_5.2_B1.pdf](#)
2. [F0065_S01_SB02_20252_FPA.K5.Sumber Manusia_5.2_B2.pdf](#)
3. [F0065_S01_SB02_20253_FPA.K5.Sumber Manusia_5.2_B3.pdf](#)
4. [F0065_S01_SB02_20254_FPA.K5.Sumber Manusia_5.2_B4.pdf](#)
5. [F0065_S01_SB02_20255_FPA.K5.Sumber Manusia_5.2_B5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Keterangkuman dan komposisi staf FPA boleh dilihat daripada staf akademik yang mempunyai kepakaran serta keahlian profesional dan pengalaman industri dalam pelbagai bidang. Bertitik tolak dari kekuatan sumber manusia ini, FPA mengambil pendekatan mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia di dalam bidang tumpuan JAKK. FPA mempunyai 77 orang pensyarah aktif yang mana 51 orang mempunyai pengalaman industri dan keahlian badan profesional serta aktif di bidang kesukarelawan (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.3.1_B1**). Kepakaran staf FPA telah diperluaskan di keseluruhan sistem UiTM dengan memuat naik di laman sesawang FPA kepakaran dalam bentuk UiTM Expert Profile (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.3.1_B2**).

Pihak pengurusan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) telah mengoptimumkan segala kepakaran dan pengalaman semua staf akademik dan staf sokongan bagi memastikan pelaksanaan aktiviti Jaringan berada ditahap yang terbaik. Dari tahun 2020 sehinggalah 2024, FPA telah menandatangani lebih dari 20 perjanjian MOU dimana setiap perjanjian itu akan diuruskan oleh pensyarah dan staf yang dilantik. Setiap MoU akan melibatkan pelbagai aktiviti seperti karnival kepimpinan dan keusahawan, latihan industri pelajar, program bersama komuniti dan pelbagai lagi (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.3.1_B3**). Semua program ini dapat berjalan dengan lancar kerana kepakaran setiap staf telah dioptimumkan sebaik mungkin.

Kepakaran staf akademik di dalam pelbagai bidang telah diperluaskan ke dalam komuniti melalui pelbagai program sulam yang telah dijalankan. Pengurusan eksekutif FPA sentiasa memberi peluang dan galakan kepada staf akademik untuk berkongsi kepakaran dengan pihak warga UiTM, komuniti dan pihak industri sama ada secara fizikal atau atas talian. Selain itu, pihak FPA turut terlibat dalam membantu pemindahan teknologi MARDI kepada masyarakat bagi pemeraksanaan jaringan industri dan sektor pertanian negara. Melalui program ini, FPA dapat menjadi satu platform dalam menyebarkan maklumat kepada pelajar, serta dapat mewujudkan lebih banyak lagi jaringan industri bersama semua agensi dan usahawan yang hadir. (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.3.1_B4**).

Sinergi antara staf akademik dan pelajar menerusi inisiatif program kesukarelawan ini telah dibuktikan melalui penganjuran pelbagai aktiviti kesukarelawan dan khidmat masyarakat dalam melestarikan alam sekitar. Tambahan itu, FPA juga telah mengoptimalkan kepakaran staf di dalam bidang pertanian dan teknologi dengan memenangi Geran Program Mainstreaming Grassroots Innovations (MaGRIs) Tahun 2024 yang dianjurkan oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan disokong oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Projek bertajuk "Dynamic Cultivator Blade: Mata Bilah Dwifungsi bagi Aktiviti Merumput dan Menggembur Tanah untuk Penyediaan Plot Tanaman" telah berjaya menerima geran pembangunan bernilai RM50,000.00. Kemenangan ini bukan sahaja mengangkat nama FPA dalam bidang penyelidikan dan inovasi pertanian, tetapi turut memberi impak positif terhadap pembangunan teknologi pertanian mampan serta dapat menyumbang kepakaran terhadap masyarakat (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.3.1_B5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_S01_SB03_20251_FPA.K5.Sumber Manusia_5.3_B1.pdf](#)
2. [F0065_S01_SB03_20252_FPA.K5.Sumber Manusia_5.3_B2.pdf](#)
3. [F0065_S01_SB03_20253_FPA.K5.Sumber Manusia_5.3_B3.pdf](#)
4. [F0065_S01_SB03_20254_FPA.K5.Sumber Manusia_5.3_B4.pdf](#)
5. [F0065_S01_SB03_20255_FPA.K5.Sumber Manusia_5.3_B5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bahagian pemantauan bagi tema Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan menekankan aspek sumber manusia yang terlibat dalam beberapa program yang telah dilaksanakan.

Pemantauan dilaksanakan melalui **rekod kehadiran, borang maklum balas** serta **laporan ketua program** bagi menilai keberkesanan pengurusan sukarelawan di Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA). **Pemantauan serta pengukuran kepuasan hati dan pengendalian aduan sumber manusia** amat penting untuk meningkatkan hasil pemantauan sistematik. Pendekatan ini memastikan persekitaran kerja lebih produktif, positif dan meningkatkan keberkesanan pengurusan maklum balas. Kajian kepuasan dijalankan melalui **borang kaji selidik, pemerhatian, penilaian sebelum dan selepas program (FPA.K5_5.4.1_B1)**. Tahap kepuasan hati peserta dapat dikenal pasti melalui **rekod kehadiran dan penglibatan sumber manusia**. Sebagai contoh, Program Sehari Bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz mencatat 111 kehadiran melibatkan jawatankuasa, peserta FPA, penghuni Rumah Kasih, alumni dan agensi (**FPA.K5_5.4.1_B2(a)**). Program *Outreach* Pascabanjir pula melibatkan 20 orang termasuk pelajar, alumni dan komuniti NGO (**FPA.K5_5.4.1_B2(b)**). FPA turut melaksanakan program I-Sulam dengan tujuh kod kursus bersama komuniti (**FPA.K5_5.4.1_B3**). Sukarelawan terdiri daripada alumni, pelajar dan komuniti tempatan, dengan pengagihan tugas mengikut kepakaran serta bimbingan alumni kepada pelajar bagi memperkukuh semangat kesukarelawan rentas generasi.

Selain itu, kepuasan hati turut dinilai melalui **skala likert** yang digunakan untuk **menunjukkan dan mengukur tahap persetujuan, kepuasan, persepsi atau sikap peserta terhadap sesuatu pernyataan terhadap pelaksanaan program mengikut objektif pelaksanaan program**. Majoriti peserta **menunjukkan tahap kepuasan tinggi** dengan mengakui program memberi manfaat, kandungan jelas, bermanfaat serta relevan. Kepuasan juga dapat dilihat daripada aspek pengurusan dan perjalanan program yang berjalan lancar, meliputi masa, tempat dan kemudahan yang memuaskan sehingga memberi impak positif serta membantu mencapai objektif (**FPA.K5_5.4.1_B4 (a)**). **Borang maklum balas pelanggan** turut digunakan sebagai medium tambahan mengumpul pandangan, tahap kepuasan, cadangan dan komen, bagi memastikan semua suara diambil kira dalam penambahbaikan dan keberkesanan program (**FPA.K5_5.4.1_B4(b)**).

Tambahan lagi, FPA mewujudkan **komunikasi dua hala** antara pengurusan dan staf untuk menilai tahap kepuasan hati, khususnya melalui **mesyuarat yang membincangkan pencapaian Performance Indicator fakulti (FPA.K5_5.4.1_B5)**. Usaha ini meningkatkan ketelusan, rasa dihargai dan kepuasan staf. Secara keseluruhan, pemantauan (Check) berjaya memberi gambaran jelas terhadap tahap kepuasan serta pengendalian aduan, seterusnya membantu merancang tindakan pembetulan dan pencegahan yang lebih berkesan pada masa hadapan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_S01_SB04_SC01_20251_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.1_B1.pdf](#)
2. [F0065_S01_SB04_SC01_20252_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.1_B2\(a\)-\(b\).pdf](#)
3. [F0065_S01_SB04_SC01_20253_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.1_B3.pdf](#)
4. [F0065_S01_SB04_SC01_20254_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.1_B4\(a\)-\(b\).pdf](#)
5. [F0065_S01_SB04_SC01_20255_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.1_B5.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko yang telah diamalkan oleh FPA mempunyai beberapa langkah seperti yang ditunjukkan di Bukti **FPA.K5. Sumber Manusia_5.4.2_B1**. Langkah pertama adalah **mengenalpasti risiko, kemudian menganalisis risiko, membangunkan pelan penilaian risiko, melaksanakan pelan pengurusan risiko, menyemak semula dan memantau pelan pengurusan risiko**. Bagi memastikan kelancaran setiap langkah ia disokong dengan komunikasi dan perundingan yang sesuai serta pemantauan dan semakan. Bagi memastikan tadbir urus pengurusan risiko adalah secara sistematik, **pelantikan jawatankuasa pemilik risiko telah dilakukan (FPA.K5. Sumber Manusia_5.4.2_B2)**. Proses ini dilaksanakan melalui **perjumpaan bersama pemilik risiko dalam Bengkel Pengurusan Risiko** yang dijalankan dengan kekerapan sekali dalam setahun (**FPA.K5. Sumber Manusia_5.4.2_B3**). **Setiap risiko akan didaftarkan dan direkodkan di dalam sistem Electronic Risk Management System (eRMS)** seperti yang ditunjukkan pada Bukti **FPA.K5. Sumber Manusia_5.4.2_B4**.

Untuk bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JAKK), antara risiko telah berjaya dikenalpasti selepas Bengkel Pengurusan Risiko adalah seperti berikut:

- a) Pendaftaran risiko nombor 1 iaitu Pengoperasian Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI). Keterangan risiko adalah **Bahagian PJI kekurangan staf tetap untuk menjalankan fungsi unit**. FPA telah mengambil langkah proaktif dengan memastikan risiko ini direkodkan dan dipantau seterusnya membolehkan pelan mitigasi yang lebih berkesan dapat dirangka. Mitigasi yang telah dilakukan adalah menyerahkan tadbir urus geran penyelidikan staf akademik kepada fakulti. Maka dengan langkah ini, pengoperasian PJI dapat dilakukan dengan lebih lancar terutamanya dalam menyokong bidang tumpuan JAKK tanpa memberi bebanan kerja berlebihan kepada staf Bahagian PJI (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.2_B5**).
- b) Pendaftaran risiko nombor 12 iaitu **kekurangan tenaga pengajar bidang Pengurusan Perladangan dan Perniagaantani**. Risiko ini memberi kesan kepada bidang tumpuan JAKK kerana graduan yang berkualiti tinggi diperlukan bagi memperkukuhkan JAKK (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.2_B5**).
- c) Pendaftaran risiko nombor 14 iaitu **kekurangan staf di Unit Pengurusan Ladang (UPL) dengan penerangan risiko iaitu UPL perlu menguruskan ladang PTJ yang merupakan ladang bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran**. Situasi ini akan memberi implikasi kepada bidang tumpuan JAKK kerana ladang fakulti bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pembelajaran, tetapi turut menjadi platform untuk pembangunan produk pertanian, serta peluang kolaborasi bersama alumni dan industri (**FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.2_B5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_S01_SB04_SC02_20251_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.2_B1.pdf](#)
2. [F0065_S01_SB04_SC02_20252_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.2_B2.pdf](#)
3. [F0065_S01_SB04_SC02_20253_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.2_B3.pdf](#)
4. [F0065_S01_SB04_SC02_20254_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.2_B4.pdf](#)
5. [F0065_S01_SB04_SC02_20255_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.2_B5.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPA sentiasa melaksanakan penambahbaikan dalam membentuk persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi meningkatkan kesejahteraan serta produktiviti warga fakulti. **Sokongan Pengurusan Kanan yang proaktif menggalakkan untuk staf menghadiri latihan serta mempercepatkan proses kelulusan menghadiri latihan** turut memperkukuhkan kompetensi staf secara berterusan. (FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.3_B1).

Selain itu, **Program Farm and Fun Run 2024** merupakan program larian yang disertai alumni, komuniti setempat, staf dan pelajar telah menjadikan program ini sebagai wadah yang terbaik untuk memperkukuhkan JAKK. Program ini merupakan program julung kalinya dianjurkan FPA dan penambahbaikan yang kreatif dalam memperkukuhkan bidang tumpuan JAKK. Program ini juga secara langsung menyumbang kepada kegembiraan dan kesejahteraan sumber manusia (FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.3_B2)

Majlis Anugerah Kualiti dan Apresiasi Staf FPA serta Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 merupakan majlis yang dianjurkan untuk menghargai sumbangan warga FPA. Pengiktirafan ini bukan sahaja meningkatkan motivasi kerja warga, malah turut menggalakkan budaya kecemerlangan yang menyumbang kepada pembangunan sumber manusia. Selain itu, pengiktirafan kecemerlangan staf sekali gus menzahirkan imej fakulti kepada pihak industri, komuniti serta jaringan alumni (FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.3_B3).

Selain itu, **tindakan yang diambil oleh pihak FPA dalam menangani pencapaian jam latihan staf yang kurang dari 42 jam adalah dengan menghantar e-mail peringatan kepada staf FPA yang terlibat.** Staf diingatkan untuk memenuhi 42 jam latihan selari dengan arahan daripada pihak Universiti kepada staf UiTM. Usaha ini akan memastikan pembangunan sumber manusia yang lebih berkemampuan dan berdaya saing (FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.3_B4).

Selain itu, untuk memastikan **penganjuran program bertepatan dengan keperluan staf sekaligus meningkatkan kepuasan staf, langkah yang diambil oleh fakulti adalah melalui borang maklum balas yang diedarkan kepada staf seusai program.** Maklumbalas akan diteliti untuk perancangan program pada masa hadapan (FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.3_B5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_S01_SB04_SC03_20251_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.3_B1.pdf](#)
2. [F0065_S01_SB04_SC03_20252_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.3_B2.pdf](#)
3. [F0065_S01_SB04_SC03_20253_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.3_B3.pdf](#)
4. [F0065_S01_SB04_SC03_20254_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.3_B4.pdf](#)
5. [F0065_S01_SB04_SC03_20255_FPA.K5.Sumber Manusia_5.4.3_B5.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) telah berjaya menghasilkan tahap pembudayaan yang positif dan signifikan dalam kalangan warga fakulti serta pihak berkepentingan luar seperti **budaya jaringan dan kolaborasi** yang semakin kukuh, khususnya **peningkatan kerjasama pintar antara FPA dan pihak industri**. Hal ini dapat dilihat melalui pemeteraian MoU dan MoA bersama industri (**FPA.K5_5.5_B1(a)**). **Peningkatan kerjasama** ini mencatat **50 peratus kenaikan dari tahun 2023 hingga 2024**, sekali gus menyokong Pelan Strategik UiTM 2025 dan meningkatkan keyakinan pihak luar terhadap keupayaan institusi. Selain itu, **budaya profesionalisme** turut terserlah melalui **penglibatan aktif FPA dalam program bersama pihak industri**. Misalnya, FPA telah menganjurkan **Majlis Pertukaran MoU dan LoA dengan lapan rakan industri dalam Program Transformasi Komuniti Agro Madani 2024 (FPA.K5_5.5_B1(b))**, yang menghimpunkan jaringan industri, komuniti serta alumni dalam platform kerjasama strategik.

Seterusnya, **pembudayaan perkongsian ilmu dan kepakaran** yang lebih meluas sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa juga dapat dilihat. Antara inisiatif penting ialah **I-SULAM Expendicom-UCS Community Engagement yang melibatkan pelajar, penyelidik UiTM, industri, komuniti, serta rakan antarabangsa** dari Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Indonesia dan Nigeria. Usaha ini telah meningkatkan imej FPA sebagai rakan strategik di peringkat global. Staf FPA juga semakin aktif sebagai pakar rujuk, fasilitator, panel penilai, dan ahli profesional, yang memperlihatkan kepakaran fakulti secara menyeluruh (**FPA.K5_5.5_B2**). Selain itu, **kolaborasi bersama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Jasin** telah memperluas jaringan sehingga ke akar umbi, melibatkan sebanyak 21 buah sekolah rendah dan menengah di Daerah Jasin dalam program bimbingan dan perkongsian kepakaran. Usaha ini membuktikan wujudnya kerjasama dua hala yang berterusan antara akademik, industri dan komuniti (**FPA.K5_5.5_B3**).

Budaya sokongan organisasi turut terhasil daripada keberkesanan penambahbaikan. FPA menunjukkan komitmen dengan **memberi ruang, keizinan dan galakan kepada staf untuk mengikuti program latihan, kursus dan bengkel** bagi meningkatkan ilmu serta profesionalisme. Hal ini terbukti melalui **surat lantikan penyelarar SULAM** yang menunjukkan pengiktirafan serta kepercayaan organisasi terhadap kepakaran staf dalam menguruskan program berimpak tinggi. Selain itu, **surat kelulusan menghadiri latihan kepada penyelarar SULAM** mencerminkan sokongan berterusan fakulti terhadap pembangunan ilmu, kemahiran dan pendedahan staf. Sokongan ini bukan sahaja meningkatkan motivasi dan rasa dihargai, malah turut membudayakan suasana kerja yang progresif, profesional dan inklusif (**FPA.K5_5.5_B4**).

Dari sudut kesukarelawanan, wujud pula **budaya sukarela dan jaringan sosial** melalui **pelaksanaan Program Beach Clean-Up, Go Green 2024, dan aktiviti gotong-royong** hasil kerjasama sukarelawan, kepimpinan, masyarakat setempat serta agensi (**FPA.K5_5.5_B5(a)-(c)**). Pembudayaan ini bukan sekadar menjayakan aktiviti komuniti, tetapi juga membentuk budaya kemahiran insaniah, kesedaran sivik, dan pengetahuan praktikal mengenai kelestarian alam sekitar. Melalui bengkel, latihan, dan sesi perkongsian ilmu, pelajar serta sukarelawan bukan sahaja melaksanakan program dengan baik, tetapi menjadi lebih proaktif, berinisiatif, serta berdaya kepimpinan dalam usaha kelestarian.

Keberkesanan tindakan penambahbaikan telah melahirkan budaya kerja yang lebih terbuka, progresif, dan kolaboratif. Budaya ini bukan sahaja memperkukuh kekuatan dalaman fakulti, tetapi juga membina kepercayaan pihak luar seperti industri, agensi kerajaan, komuniti pendidikan, dan rakan antarabangsa. Kejayaan ini membuktikan bahawa penambahbaikan berterusan yang dirancang dengan baik mampu melahirkan pembudayaan positif yang lestari, memberi manfaat jangka panjang kepada institusi, serta mengangkat FPA sebagai fakulti progresif, inklusif, dan berkualiti tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_S01_SB05_20251_FPA.K5.Sumber Manusia_5.5_B1_\(a\)-\(b\).pdf](#)
2. [F0065_S01_SB05_20252_FPA.K5.Sumber Manusia_5.5_B2.pdf](#)
3. [F0065_S01_SB05_20253_FPA.K5.Sumber Manusia_5.5_B3.pdf](#)
4. [F0065_S01_SB05_20254_FPA.K5.Sumber Manusia_5.5_B4\(a\)-\(c\).pdf](#)
5. [F0065_S01_SB05_20255_FPA.K5.Sumber Manusia_5.5_B5_\(a\)-\(c\).pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pada tahun 2024, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah melaksanakan dua inisiatif utama iaitu Program SULAM Antarabangsa dan Karnival Agro Siswa 2024 sebagai strategi operasi berimpak tinggi yang berpandukan kitaran pengurusan **PDCA (Plan, Do, Check, Act)** dan melibatkan penyertaan aktif komuniti, alumni serta sukarelawan. Di peringkat **perancangan (Plan)**, fakulti merangka pelan operasi yang menyeluruh dengan menetapkan objektif utama untuk memperkukuh jaringan komuniti dan alumni, serta membentuk pelajar berdaya saing melalui pengalaman pembelajaran luar bilik kuliah, termasuk menetapkan lokasi komuniti sasaran luar negara dan melibatkan alumni sebagai penasihat serta mentor lapangan. Dalam fasa **pelaksanaan (Do)**, pelajar bersama pensyarah dan alumni melaksanakan aktiviti pemindahan ilmu, latihan pertanian lestari, pameran produk inovasi dan bengkel keusahawanan bersama komuniti setempat, manakala karnival menjadi medan interaksi bersepadu antara pelajar, komuniti dan rakan industri dengan penglibatan sukarelawan yang tinggi dalam pengurusan acara. **Pemantauan (Check)** dilaksanakan melalui maklum balas komuniti, pemerhatian prestasi pelajar serta laporan aktiviti harian yang menunjukkan peningkatan keberkesanan pengurusan projek, penjana hasil jualan dan penglibatan sosial yang lebih luas berbanding tahun sebelumnya. Berdasarkan penilaian, **tindakan penambahbaikan (Act)** dicadangkan meliputi peluasan skop program SULAM ke peringkat ASEAN, penambahbaikan sistem logistik dan dokumentasi program, serta peningkatan latihan kepimpinan kepada pelajar dan sukarelawan. Secara keseluruhan, penglibatan strategik komuniti, alumni dan sukarelawan dalam kedua-dua program ini bukan sahaja memperkukuh operasi fakulti secara menyeluruh, malah menyumbang kepada pencapaian KPI universiti dari aspek pembangunan sahsiah pelajar, pengukuhan jaringan luar dan peningkatan impak sosial secara mampan.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses utama dalam menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bagi bidang tumpuan proses operasi Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM melibatkan pendekatan holistik yang merangkumi kerjasama aktif antara komuniti, alumni dan sukarelawan. **Sistem PRIME Star Rating** digunakan sebagai platform rasmi untuk proses kelulusan, verifikasi, dan pengkalan data projek komuniti. Proses ini merangkumi tujuh peringkat utama iaitu pendaftaran projek, kelulusan PTJ, pelaksanaan projek, permohonan bintang, verifikasi projek, penilaian bintang, dan verifikasi penilaian. Sistem ini memastikan data projek komuniti menyumbang kepada penarafan MyRA, SETARA, QS Sustainability Rankings, dan THE Impact Rankings (**FPA.K6. Carta Alir Proses Projek Komuniti UiTM_6.2_B1**). UiTM telah membangunkan **Sistem Alumni VCard** yang menyediakan platform digital untuk pengurusan maklumat alumni secara bersepadu (**FPA.K6. Sistem Alumni VCard_6.2_B2**). Sistem ini disokong oleh rangkaian media sosial termasuk **Telegram Group Alumni FPA** dan **Facebook Alumni FPA** yang memudahkan komunikasi dan penglibatan berterusan dengan alumni. **Pengumpulan data melalui Google Forms** digunakan untuk mendapatkan maklum balas dan maklumat terkini daripada komuniti alumni (**FPA.K6. Telegram Group Alumni, Facebook Alumni FPA, Google Form_6.2_B3**). Program kesukarelawan FPA dilaksanakan melalui beberapa kluster utama termasuk Program Bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz, Program International-Community Service (I-CSR), Program Outreach Pasca Banjir dan Program Beach Clean Up. **Sistem pengurusan berlapis** melalui carta alir permohonan aktiviti memastikan setiap program melalui proses kelulusan yang teratur dari peringkat Penasihat hingga Majlis Urusetia TAPA, dengan dokumentasi lengkap dan mekanisme semak imbang (**FPA.K6. Carta Alir Permohonan Aktiviti Pelajar_6.2_B4**). Program ini fokus kepada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan pembangunan kemahiran kepimpinan mahasiswa. **Sistem penilaian bintang MyRA** (1-5 bintang) digunakan untuk mengukur impak projek komuniti berdasarkan lima tahap: Jalinan Hubungan, Sokongan dan Penglibatan, Perubahan Pengetahuan/Sikap/Kemahiran/Aspirasi (PSKA), Perubahan Amalan, dan Penghakupayaan. Projek yang mencapai 3 bintang dan ke atas dikira untuk pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) universiti (**FPA.K6. Penerangan Penarafan Bintang MyRA dan Contoh Projek/ Bukti, Surat Pemakluman Skor MyRA FPA 2024_6.2_B5**)

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_O01_OB02_20251_FPA.K6. Carta Alir Proses Projek Komuniti UiTM. 6.2_B1.pdf](#)
2. [F0065_O01_OB02_20252_FPA.K6. Sistem Alumni VCard. 6.2_B2.pdf](#)
3. [F0065_O01_OB02_20253_FPA.K6. Telegram Group Alumni, Facebook Alumni FPA, Google Form 6.2_B3.pdf](#)
4. [F0065_O01_OB02_20254_FPA.K6. Carta Alir Permohonan Aktiviti Pelajar. 6.2_B4.pdf](#)
5. [F0065_O01_OB02_20255_FPA.K6. Penerangan Penarafan Bintang MyRA dan Contoh Projek Bukti, Surat Pemakluman Skor MyRA FPA 2024 6.2_B5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FPA mengaplikasikan model **PDCA** dalam setiap pelaksanaan bidang tumpuan JAKK bagi memastikan program yang dirancang dapat dijalankan secara sistematik dengan penglibatan semua bahagian/unit yang bertanggungjawab.

Setiap perancangan program Jaringan Alumni dan Komuniti dibincangkan terlebih dahulu dalam **Bengkel Perancangan Strategik** pada akhir tahun, dengan merujuk kepada pencapaian petunjuk prestasi (PI) tahun semasa (**FPA.K6.Bengkel Perancangan Strategik_ 6.3_B1**). Penetapan program ini kemudiannya dimasukkan ke dalam **Pelan Tindakan Strategik** pada awal tahun agar pelaksanaan dapat dijalankan sepanjang tahun berdasarkan peruntukan dalaman serta berteraskan pendekatan **Quadruple Helix** (melibatkan empat pihak utama) dan melalui **carta alir yang merangkumi beberapa peringkat utama. Cadangan program** yang diterima akan melalui semakan awal oleh sekretariat JAKK sebelum kertas kerja lengkap disediakan oleh penganjur. **Kertas kerja** ini kemudiannya dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa kecil untuk **dinilai berdasarkan kriteria** tertentu seperti keselarasan dengan bidang tumpuan fakulti, keperluan bajet dan sumber, impak kepada komuniti serta potensi kolaborasi strategik. **Setelah dilaksanakan**, program akan **dipantau dan dinilai melalui pelbagai instrumen** seperti **maklum balas peserta dan laporan media**. Akhir sekali, **laporan serta cadangan penambahbaikan disediakan** bagi dijadikan asas kepada perancangan program seterusnya, sekali gus mewujudkan kitaran penambahbaikan berterusan (**FPA.K6.Laporan Program Beach Clean Up_6.3_B2**).

Perancangan rapi yang dilaksanakan telah menjayakan pelbagai program alumni dan komuniti berimpak tinggi. Antara yang utama ialah **Program Farm and Fun Run**, yang melibatkan penyertaan pelajar, alumni dan komuniti luar bagi memperkukuh hubungan antara alumni, industri, komuniti dan universiti. Program ini juga berperanan mempromosikan gaya hidup sihat melalui konsep larian di dalam ladang sekitar UiTM Kampus Jasin, dengan majlis penutup disempurnakan oleh YBhg. Prof. TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah, Timbalan Naib Canselor ICAN UiTM. Selain itu, **Program Karnival Agro Siswa (KAS)** yang merupakan acara tahunan fakulti turut memberi peluang kepada pelajar memperoleh maklumat terkini berkaitan industri. Penglibatan meluas pihak industri, khususnya daripada kalangan alumni, telah memberi impak positif dalam meningkatkan pendedahan dan pengalaman pelajar FPA (**FPA.K6.Program Farm and Fun Run dan KAS_6.3_B3**).

Bagi program komuniti, pelaksanaannya bermula dengan pelantikan ketua projek yang diberi mandat untuk menguruskan program yang ditetapkan. Antara program yang dijalankan ialah **I-SULAM** dan **Program Bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz**. Program I-SULAM, seperti Kursus Pembuatan Sabun Organik Ekoenzim daripada sisa tanaman, memberi pendedahan kepada komuniti mengenai pemindahan teknologi dan inovasi lestari. Inisiatif jangka panjang ini turut menyumbang kepada kolaborasi antara pelajar, penyelidik UiTM, industri dan komuniti di bawah Projek UiYM Living Lab @ Sabak Bernam (**FPA.K6.Program I-SULAM dan RKTAA_6.3_B4**). Sementara itu, Program Bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz dilaksanakan dengan kerjasama syarikat kosmetik Mary Kay melalui sesi **Beauty Talk with Mary Kay**. Program ini bertujuan memupuk kesedaran tentang kepentingan penjagaan kulit, membina keyakinan diri serta kesejahteraan emosi pelajar.

Di samping itu, program berbentuk **kesukarelawan** turut dilaksanakan secara terancang dan dimasukkan ke dalam **Pelan Tindakan Strategik (SAP) BHEP** sejak awal tahun. Antara program utama ialah **Program Outreach Pasca Banjir** dan **Program Beach Clean Up**. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong Pelan Strategik UiTM dan aspirasi Malaysia MADANI, malah memperkasakan pelajar sebagai agen perubahan melalui pembelajaran berasaskan komuniti dan jaringan industri yang mantap (**FPA.K6.Program Outreach dan Beach Clean Up_6.3_B5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_O01_OB03_20251_FPA.K6.BENGGKEL PELAN STRATEGIK_6.3_B1.pdf](#)
2. [F0065_O01_OB03_20252_FPA.K6.LAPORAN BEACH CLEAN UP_6.3_B2.pdf](#)
3. [F0065_O01_OB03_20253_FPA.K6.PROGRAM FARM RUN N KAS_6.3_B3.pdf](#)
4. [F0065_O01_OB03_20254_FPA.K6.PROGRAM I-SULAM & RKATAA_6.3_B4.pdf](#)
5. [F0065_O01_OB03_20255_FPA.K6.PROGRAM OUTREACH DAN BEACH CLEAN UP_6.3_B5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Analisis tren prestasi FPA menunjukkan fluktuasi dalam tempoh 2022-2024. Berdasarkan carta prestasi fakulti, kedudukan FPA dalam ranking UiTM menunjukkan skor 86% pada 2022, 84.2% pada 2023, dan 85.9% pada 2024. Data Oktober 2024 menunjukkan beberapa PI komuniti mencapai prestasi cemerlang. FPA mengekalkan kedudukan yang stabil dalam carta prestasi fakulti UiTM dengan kategori 3 bintang (**FPA.K6. Tren Prestasi Keseluruhan_6.4.1_B1**).

Program Tanggungjawab Sosial Universiti (PI075) menunjukkan penurunan daripada 88% (2022) kepada 66.67% Oktober 2024 dengan 4 daripada 6 program dilaksanakan. Sebaliknya, program Knowledge Transfer Programmes (PI076) mengekalkan prestasi 100% dengan 1 program pada Oktober 2024, berbanding prestasi 600% pada 2022. Program kesukarelawan antarabangsa (PI028) mencatatkan peningkatan dramatis kepada 300% dengan 3 program berbanding sasaran 1 program?. Program ini disokong oleh dana luar RM40,000 (PI077) dan dana dalaman RM1,848.70 (PI078), menunjukkan penurunan berbanding 2022 yang mencapai RM160,122 dan RM48,100 (**FPA.K6. Prestasi Project Komuniti 2022-2024_6.4.1_B2**).

Program alumni menunjukkan perubahan dramatik. PI019 meningkat kepada 100% pada Oktober 2024, dengan 31 alumni usahawan berbanding pencapaian 22% pada 2022. Program perkhidmatan pakar alumni (PI080) menurun kepada 66.67% dengan 4 daripada 6 program. Sebaliknya, inisiatif keusahawanan pelajar (PI021) menghadapi cabaran dengan pencapaian 19.35% (24 daripada 124 pelajar), penurunan ketara berbanding 114% pada 2022. Program ini kini disokong oleh 27 pendidik berkelayakan keusahawanan (PI024) dan 2 syarikat pemula teknologi digital (PI025) (**FPA.K6. Pencapaian alumni dan keusahawanan 2022 dan 2024_6.4.1_B3**).

Program kesukarelawan (PI028) mencatatkan 200% prestasi dengan 2 program berbanding sasaran 1 program. Program kepimpinan (PI029) mencapai 100% dengan 2 program dilaksanakan (**FPA.K6. Program kesukarelawan dan kepimpinan_6.4.1_B4**).

Sistem pemantauan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) memastikan projek komuniti dan alumni dilaporkan via sistem SMART (**FPA.K6. MKSP and SMART_6.4.1_B5**), manakala kesukarelawan dilaporkan melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar peringkat universiti. Walaupun terdapat fluktuasi skor keseluruhan, fakulti menunjukkan kestabilan dalam pelaksanaan program komuniti, alumni dan kesukarelawan sepanjang 2022-2024.

SENARAI BUKTI:

1. [F0065_O01_OB04_OC01_20251_FPA.K6. Tren Prestasi Keseluruhan_6.4.1_B1.pdf](#)
2. [F0065_O01_OB04_OC01_20252_FPA.K6. Prestasi Project Komuniti 2022-2024_6.4.1_B2.pdf](#)
3. [F0065_O01_OB04_OC01_20253_FPA.K6. Pencapaian alumni dan keusahawanan 2022 dan 2024_6.4.1_B3.pdf](#)
4. [F0065_O01_OB04_OC01_20254_FPA.K6. Program kesukarelawan dan kepimpinan_6.4.1_B4.pdf](#)
5. [F0065_O01_OB04_OC01_20255_FPA.K6. MKSP and SMART_6.4.1_B5.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Fakulti telah menubuhkan Jawatankuasa Pemilik Risiko (JKPR) yang diketuai oleh Dekan sebagai Pengerusi dan Timbalan Dekan HEA sebagai Timbalan Pengerusi. Jawatankuasa ini merangkumi pelbagai peringkat pengurusan termasuk ketua-ketua pusat, pegawai sains kanan, dan kakitangan akademik serta pentadbiran untuk memastikan penglibatan menyeluruh dalam pengurusan risiko (**FPA.K6. Ahli jawatankuasa pemilik risiko_6.4.2_B1**).

Pengurusan risiko dilaksanakan berdasarkan Polisi Pengurusan Risiko UiTM yang merangkumi enam kategori risiko utama iaitu kewangan, strategik, operasi, perundangan, reputasi dan projek. Polisi ini menetapkan proses sistematik untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko secara terancang melalui mitigasi berdasarkan penilaian yang telah dibuat (**FPA.K6. Polisi Pengurusan Risiko_6.4.2_B2**).

Mesyuarat JKPR diadakan secara berkala untuk membincangkan dan memantau isu-isu risiko semasa fakulti. Dalam mesyuarat tersebut, perbincangan merangkumi pemantauan pelaksanaan kawalan risiko, pengemas kinian daftar risiko, dan cadangan kawalan baharu. Pelaporan berkala kepada pihak atasan juga dilakukan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti (**FPA.K6. Minit Mesyuarat Risiko_6.4.2_B3**).

Risiko utama alumni adalah **tiada proses kerja bagi menjejaki alumni dan ketiadaan pengurusan data maklumat alumni** yang terkini. Punca risiko yang tidak tercapai adalah kekurangan sistem pengurusan alumni yang sistematik, ketiadaan Job Description (JD) untuk aktiviti menjejaki alumni, dan tiada nombor fail direkodkan untuk dokumen berkaitan alumni. **Pengawalan dan pencegahan risiko** terhadap alumni adalah dengan membangunkan sistem pengurusan data alumni yang komprehensif, menetapkan prosedur operasi standard untuk aktiviti menjejaki alumni, dan melantikan pegawai khusus bertanggungjawab menguruskan data alumni (**FPA.K6. Minit Mesyuarat MKSP_6.4.2_B4**).

Risiko utama keusahawanan adalah **kekurangan program latihan dan aktiviti keusahawanan** yang mencukupi untuk pelajar dan staf. Disebabkan oleh kurangnya cadangan untuk mewujudkan carta organisasi bagi proses permohonan projek dan kekurangan rekod mesyuarat post-mortem untuk menilai keberkesanan program keusahawanan (**FPA.K6. Minit Mesyuarat MKSP_6.4.2_B4**). Dengan **pelantikan Pegawai Keusahawanan**, para pelajar dapat dibantu dengan lebih efektif dalam membangunkan kemahiran keusahawanan dan inovasi.

Risiko utama komuniti adalah **tidak mencapai sasaran 20 komuniti/ pengantarabangsaan keusahawanan** setiap tahun seperti yang ditetapkan dalam Objektif Kualiti FPA (**FPA.K6. Objektif Kualiti 9 dan Senarai Aktiviti Komuniti_6.4.2_B5**). Disebabkan oleh kekurangan perancangan strategik yang sistematik dan kurangnya koordinasi antara jabatan dalam melaksanakan aktiviti komuniti yang berimpak tinggi kepada masyarakat.

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_O01_OB04_OC02_20251_FPA.K6. Ahli jawatankuasa pemilik risiko_6.4.2_B1.pdf](#)
2. [F0065_O01_OB04_OC02_20252_FPA.K6. Polisi Pengurusan Risiko_6.4.2_B2.pdf](#)
3. [F0065_O01_OB04_OC02_20253_FPA.K6. Minit Mesyuarat Risiko_6.4.2_B3.pdf](#)
4. [F0065_O01_OB04_OC02_20254_FPA.K6. Minit Mesyuarat MKSP_6.4.2_B4.pdf](#)
5. [F0065_O01_OB04_OC02_20255_FPA.K6. Minit Mesyuarat MKSP_6.4.2_B5.pdf](#)

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPA sentiasa komited dalam mengkaji semula serta memperbaiki proses operasi bagi memacu kelestarian bidang tumpuan JAKK. Sehubungan itu, **Unit Pengurusan Risiko** telah ditubuhkan (**FPA.K6.Ajk Pengurusan Risiko_6.4.3_B1**) dengan tujuan untuk memantau, mengurus serta mendaftarkan risiko yang dilaporkan melalui **Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS)** (**FPA.K6.Laporan eRMS_6.4.3_B2**).

Bagi memastikan risiko yang dikenal pasti tidak berulang, beberapa langkah penambahbaikan telah dilaksanakan seperti berikut:

1. Risiko Kewangan

- o FPA membuat permohonan sumbangan daripada syarikat, agensi dan alumni setelah mendapat kelulusan daripada Naib Canselor.
- o Permohonan peruntukan kewangan turut dikemukakan dan diluluskan dalam Mesyuarat TKP bersama pengurusan fakulti (**FPA.K6.Perincian Budget Program_6.4.3_B3**).

2. Risiko Operasi / Teknikal / Fasiliti / Keselamatan

- o Kelulusan penggunaan ruang dan fasiliti sekitar lokasi program diperoleh bagi mengurangkan risiko.
- o Lantikan AJK berkaitan dibuat dalam kalangan staf fakulti serta unit sokongan seperti unit teknikal & ICT, unit polis bantuan, dan unit kesihatan.
- o Langkah ini memastikan kelancaran program serta mengurangkan risiko berulang (**FPA.K6.Ajk Pemilik Risiko_6.4.3_B4**).

3. Risiko Kurang Penyertaan

- o Kerjasama daripada semua pihak diperkukuhkan untuk meningkatkan kadar penyertaan.
- o FPA melantik AJK jemputan khusus untuk menjemput pihak industri, alumni dan komuniti.
- o Penyertaan staf digalakkan melalui pengeluaran memo, manakala pelajar diberikan surat pengecualian kuliah.
- o Selain itu, pelbagai platform komunikasi digunakan untuk menyebarkan maklumat program dan menarik minat penyertaan (**FPA.K6.Platform Komunikasi_6.4.3_B5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_O01_OB04_OC03_20251_FPA.K6.AJK PENGURUSAN RISIKO_6.4.3_B1.pdf](#)
2. [F0065_O01_OB04_OC03_20252_FPA.K6.LAPORAN ERMS_6.4.3_B2.pdf](#)
3. [F0065_O01_OB04_OC03_20253_FPA.K6.PERICNCIAN BUDGET PROGRAM_6.4.3_B3.pdf](#)
4. [F0065_O01_OB04_OC03_20254_FPA.K6.AJK PEMILIK RISIKO_6.4.3_B4.pdf](#)
5. [F0065_O01_OB04_OC03_20255_FPA.K6.PLATFORM KOMUNIKASI_6.4.3_B5.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) sentiasa komited melaksanakan proses penambahbaikan berterusan bagi memperkasakan operasi dalam bidang tumpuan JAKK. Pelaksanaan tindakan penambahbaikan ini telah membentuk beberapa tahap pembudayaan yang signifikan dalam fakulti.

1. Pembangunan Alumni Database

Inisiatif ini telah mewujudkan budaya kesedaran dan penglibatan dalam kalangan alumni melalui **platform Telegram dan Facebook**, serta **pendaftaran MyAlumni UiTM Virtual Card (FPA.K6.Database Alumni_6.5_B1)**. Usaha ini membentuk amalan berterusan mengekalkan hubungan dengan fakulti, di samping memupuk **budaya giving back** melalui sumbangan kepada Tabung Alumni UiTM. Pada masa yang sama, fakulti membudayakan pendekatan berasaskan data apabila maklumat alumni dimanfaatkan dalam penilaian KPI dan perancangan strategik. Misalnya, **maklumat alumni bergelar usahawan** turut dikumpulkan menggunakan **Google Form Pengumpulan Data Alumni Usahawan (FPA.K6.Google Form_6.5_B2)**.

2. Pengukuhan Ketampakan melalui Program Komuniti

Pelaksanaan projek komuniti telah membentuk **budaya kolaborasi dan tanggungjawab sosial**. Program yang dijalankan bukan sahaja memperkasakan komuniti B40 melalui peningkatan pendapatan, malah **membudayakan semangat pemberdayaan (empowerment)** dalam kalangan masyarakat setempat. Kejayaan ini memberi impak positif terhadap imej fakulti serta mengangkat **budaya ketampakan** yang diiktiraf oleh alumni, industri dan rakan kolaborasi strategik (**FPA.K6.Geran APPGM-SDG_6.5_B3**).

3. Penambahbaikan Aktiviti Kesukarelawan

Aktiviti kesukarelawan telah memperlihatkan **budaya keprihatinan, semangat sukarela, pembelajaran berterusan dan jaringan kerjasama yang inklusif**. Antaranya ialah **Program Go Green 2024**, iaitu program kesukarelawan antarabangsa berteraskan inovasi yang menghimpunkan pemimpin pelajar daripada pelbagai fakulti, delegasi antarabangsa serta 25 murid sekolah rendah. Melalui penglibatan bersama industri yang menyokong inisiatif hijau ini, program tersebut menjadi wadah perkongsian kepakaran, idea dan amalan terbaik antara fakulti, industri dan komuniti. Selain itu, penggunaan **Google Form sebagai instrumen penilaian maklum balas** sebelum dan selepas program telah membudayakan amalan penilaian serta penambahbaikan berterusan dalam setiap aktiviti kesukarelawan. Penyediaan laporan dan buletin turut dijadikan indikator pencapaian program (**FPA.K6.Buletin dan Google Form_6.5_B4**). Kesepaduan antara fakulti, industri dan komuniti bukan sahaja memperkukuh reputasi fakulti di peringkat antarabangsa, malah menyumbang kepada pembentukan **budaya positif berteraskan kolaborasi, inovasi dan tanggungjawab sosial** demi pembangunan komuniti global. Selain itu, **Penggunaan Sistem SIPP HEP**. Setiap pelaporan program turut dimuat naik ke dalam **Sistem SIPP HEP UiTM**, iaitu platform pengurusan aktiviti pelajar yang digunakan untuk memuat naik laporan, dokumen serta bukti penglibatan pelajar bagi tujuan penilaian dan penambahbaikan. Integrasi dengan sistem pelajar seperti portal e-HEP atau MyHEP UiTM menjadikan langkah ini satu bentuk penambahbaikan berterusan. Ia memastikan program mampu dijadikan rujukan yang telus, menggalakkan **budaya akauntabiliti, serta memupuk semangat kolaborasi positif** antara fakulti, industri dan komuniti (**FPA.K6.Sistem SIPP HEP_6.5_B5**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0065_O01_OB05_20251_FPA.K6.DATABASE ALUMNI_6.5_B1.pdf](#)
2. [F0065_O01_OB05_20252_FPA.K6.GOOGLE FORM_6.5_B2.pdf](#)
3. [F0065_O01_OB05_20253_FPA.K6.GERAN AAPGM-SDG_6.5_B3.pdf](#)

4. [F0065_O01_OB05_20254_FPA.K6.BULETIN DAN GOOGLE FORM_6.5_B4.pdf](#)
5. [F0065_O01_OB05_20255_FPA.K6.SISTEM SIPP_6.5_B5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL KEPADA TUMPUAN OPERASI YANG CEKAP DAN MANTAP YANG MEMBAWA KEJAYAAN PROGRAM DI PERINGKAT FAKULTI, UiTM, NEGARA DAN ANTARABANGSA

1. I-CSR

1. i-SULAM

2. KAS 2024

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pada tahun 2024, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan khususnya bahagian JAKK FPA telah melaksanakan banyak program hasil daripada **operasi yang cekap dan mantap** yang membawa kepada kejayaan FPA **di dalam dan luar negara**. FPA telah melaksanakan **Program SULAM Antarabangsa Expedicom-UCS Community Engagement dan Karnival Agro Siswa 2024 (KAS2024)** yang memberikan impak besar kepada operasi fakulti, khususnya dari aspek penglibatan komuniti, alumni dan aktiviti kesukarelawanan. Kedua-dua program ini dilaksanakan secara bersepadu dengan penyertaan aktif pelajar, pensyarah, alumni serta komuniti setempat dan luar negara seperti Indonesia dan Thailand, sejajar dengan pendekatan pendidikan berasaskan perkhidmatan (service-learning).

Dari segi **tahap** pelaksanaan, operasi program atau aktiviti yang telah dijalankan telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan malah melebihi sasaran. Program-program yang berimpak tinggi seperti program **SULAM Antarabangsa** menumpukan kepada pemindahan ilmu pertanian mampan kepada komuniti desa, manakala **Karnival Agro Siswa** berfungsi sebagai platform interaksi antara pelajar, alumni dan masyarakat melalui pameran produk agro, bengkel kemahiran dan aktiviti sosial.

Tren terkini menunjukkan **peningkatan minat dalam penyertaan alumni sebagai mentor serta peningkatan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukarelawan berkaitan pertanian komuniti dan kelestarian alam sekitar**. Tren yang positif ini menunjukkan FPA **bersungguh-sungguh dalam memastikan FPA sentiasa memastikan fakulti sentiasa memberi yang terbaik untuk kebaikan bersama**.

Perbandingan pula dengan tahun 2023, penglibatan komuniti menunjukkan peningkatan manakala penyertaan alumni dalam program **fakulti melonjak** ketara, menunjukkan **hubungan strategik** yang semakin kukuh. Di samping itu, kesukarelawanan pelajar melalui **program SULAM** dan **karnival** ini telah menyumbang kepada **pembentukan sahsiah, kebolehpasaran graduan serta pengukuhan jaringan sosial fakulti dengan pihak luar**.

Dari sudut **kepentingan** kepada operasi fakulti, program ini memperluas **impak fakulti di luar kampus, memperkukuh jenama akademik UiTM** di peringkat **antarabangsa**, dan menyokong pencapaian KPI universiti dalam aspek **JAKK** iaitu jaringan alumni, pembangunan komuniti serta amalan tanggungjawab sosial institusi secara **mampan dan berterusan**.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0065_HB02_20251_HASIL OPERASI HASIL 1 TAHAP LEVEL.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0065_HB03_20252_HASIL OPERASI HASIL 1 TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0065_HB04_20253_HASIL OPERASI HASIL 1 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0065_HB05_20254_HASIL OPERASI HASIL 1 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil dari Perancangan Strategik Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) dirangka secara efektif dan mampan dengan memberi penekanan kepada agenda melahirkan graduan berimpak tinggi melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kesukarelawan, di samping memperkukuh jaringan sinergi bersama alumni serta komuniti.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil perbincangan dan perangkaan Perancangan Strategik yang dilaksanakan secara berkala dan teliti di peringkat Pengurusan serta kakitangan Fakulti telah membawa kepada **Tahap pencapaian yang membanggakan, khususnya dalam aspek penglibatan bersama jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan (JAKK)**. Kejayaan ini telah melayakkan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) menerima **pengiktirafan status 6 bintang dengan skor 89.3% bagi tahun 2024** dalam sistem i-Skor UiTM, sekali gus menempatkan FPA di kedudukan ke-8 daripada 14 fakulti yang dinilai. FPA juga telah berjaya melaksanakan pelbagai program berimpak tinggi yang menyumbang kepada pencapaian Performance Indicator (PI) berteraskan JAKK dalam tempoh yang ditetapkan. **Kesemua PI JAKK FPA bagi tahun 2024 telah mencapai sasaran** yang digariskan, malah terdapat beberapa PI yang **melebihi tahap sasaran** tersebut. Selain itu, **Unit Pengurusan Risiko** turut memainkan peranan aktif dalam memastikan **tindakan penambahbaikan** dilaksanakan secara berterusan bagi mengatasi sebarang risiko yang timbul sepanjang pelaksanaan dan pencapaian PI.

Melihat kepada **Tren pencapaian PI** bagi FPA secara menyeluruh termasuk PI dibawah JAKK menunjukkan **tren peningkatan yang positif** seawal 2022 sehingga kini. Bermula dengan 87% dan meningkat ke 89.3%. Diantara PI di bawah JAKK ialah PI 75 (Number of University Social Responsibility Program USR), PI 76 (Number of Knowledge Transfer Programme KTP), PI 77 (Total amount received from external for USR and KTP), PI78 (Total amount spent for USR and KTP) dan PI 80 (Number of Alumni experts). Tren positif ini dapat dilihat kesan daripada **pemantauan yang efektif** diperingkat **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif** dan bahagian-bahagian lain **secara berkala**.

Perbandingan pencapaian diantara **PTJ lain di dalam UiTM dan organisasi luar turut dianalisa** bertujuan memastikan FPA kekal relevan dan berdaya saing. Hasil perbandingan ini dapat dilihat melalui program **i-SULAM** (pemindahan teknologi bersasar) yang melibatkan **pelajar dan penyelidik UiTM serta penyelidik antarabangsa bersama komuniti** berbanding universiti awam Malaysia yang lain. Selain dari itu, hasil dari perancangan strategik yang mampan dalam JAKK secara khususnya juga dapat menempatkan FPA sebagai salah satu fakulti di UiTM yang menduduki **Top 450 di dal QS World University Ranking by Subject : Agriculture and Forestry**.

Dari segi **kepentingan**, pencapaian yang membanggakan FPA telah membuka laluan yang lebih holistik dan tersusun yang dapat dilihat melalui pelaksanaan program-program **diperingkat negara dan antarabangsa** khususnya **seperti Program Sehari Bersama Rumah Kasih Tun Abdul Aziz, UiTM Living Lab @ Sabak Bernam : Kursus Sabun Organik, Outreach Pasca Banjir dan lawatan I-CSR**. Kejayaan program **Farm N Fun Run** bersama FPA yang dijalankan sekitar hujung tahun 2024 juga telah menyumbang kepada **peningkatan pendapatan** secara khususnya kepada FPA dan UiTM secara amnya. Kesemua program yang dilaksanakan ini dapat memberi impak yang signifikan **kepada pembangunan Fakulti, pelajar, alumni, komuniti dan UiTM** di mata dunia. Berdasarkan **QS World University Rankings 2024 by Subject** telah meletakkan **FPA di kedudukan Top 450**. Berteraskan konsep **kebersamaan dan sepenuh hati** telah memacu FPA menjayakan **Perancangan Strategik Fakulti 2024 dengan cemerlang**.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0065_HB02_20251_HASIL_UTAMA 7.2.2 Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0065_HB03_20252_HASIL_UTAMA 7.2.3 Tren.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0065_HB04_20253_HASIL_UTAMA 7.2.4 Perbandingan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0065_HB05_20254_HASIL_UTAMA 7.2.5 Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Mengarusperdanakan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan melalui Pemerkasaan Sumber Manusia ke Arah Kecemerlangan dan Pengiktirafan Fakulti

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil daripada tumpuan kepada sumber manusia, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) telah mencapai **keberhasilan signifikan** dalam bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK)**. Kejayaan ini dipacu oleh penglibatan **barisan pengurusan kanan sebagai penasihat utama serta staf akademik, staf pentadbiran dan persatuan pelajar** yang masing-masing berperanan sebagai **penyelaras, penasihat program dan ahli jawatankuasa dalam program yang dilaksanakan**. Sumber manusia yang diperkasa ini bukan sahaja berfungsi sebagai **penggerak program**, malah turut menjadi **teras utama dalam mencapai indikator prestasi, memperkukuh reputasi FPA** dalam bidang perladangan dan agroteknologi serta memacu **kecemerlangan fakulti** melalui kejayaan meraih pelbagai pencapaian **di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa**.

Level (Tahap Pencapaian):

Pada tahun 2024, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) telah berjaya melaksanakan **40 program Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK)** merangkumi 18 program alumni, 13 program komuniti dan 9 program kesukarelawan. Pencapaian ini disokong oleh tahap penglibatan tinggi pensyarah, pelajar dan alumni, yang bukan sahaja mengukuhkan jati diri mahasiswa melalui kesukarelawan, tetapi juga meningkatkan kompetensi staf sebagai penasihat program. Penyelarasan pengurusan yang sistematik oleh HEP, PJI, penasihat kelab dan penggerak mahasiswa menjadi pemacu utama keberhasilan pelaksanaan program.

Trend (Tren Pencapaian):

Tren pencapaian menunjukkan **peningkatan positif dan konsisten dari 2022 hingga 2024**. Bilangan program alumni meningkat daripada 10 (2022) kepada 18 (2024), komuniti daripada 10 kepada 13, manakala kesukarelawan melonjak daripada hanya 1 (2022) kepada 10 (2023) dan 9 (2024). Kejayaan ini didorong oleh pembangunan kapasiti staf dan pelajar melalui latihan kepimpinan, modul I-SULAM, dan kolaborasi rentas agensi. Malah, data PI 2024 menunjukkan 7 daripada 9 indikator melepasi sasaran, dengan beberapa pencapaian sangat tinggi seperti PI079 (Komuniti menerima manfaat) pada tahap **400%**.

Comparison (Perbandingan):

Pencapaian FPA bukan sahaja **mencapai sasaran dalaman universiti**, malah **melebihi KPI** yang ditetapkan. Sebagai contoh, PI027 (SULAM-KTP with Industry/Community) dan PI076 (TP) mencatatkan 100% pencapaian, manakala PI028 (Kesukarelawan Antarabangsa) mencapai 300%. Keputusan ini membuktikan keberkesanan strategi pemerkasaan sumber manusia FPA berbanding sasaran asal dan menunjukkan daya saing yang lebih tinggi berbanding standard yang disasarkan oleh universiti.

Importance (Kepentingan):

Pencapaian ini memberi impak yang besar terhadap **ketampakan dan pengiktirafan FPA di peringkat nasional dan antarabangsa**. Program JAKK menyumbang kepada peningkatan ranking UiTM dalam **QS World University Rankings by Subject: Agriculture and Forestry (301–350)**, selain meraih **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Respected 2024**

Tempat Bertanda (Tanda & Alumni Engagement). Di samping itu, program seperti FARM and FUN RUN yang melibatkan alumni, pelajar sekolah, komuniti luar dan pelajar IPT antarabangsa berjaya meningkatkan visibility fakulti. Anugerah kualiti yang diberikan kepada staf dan pelajar juga memperkukuh motivasi dalaman untuk mengekalkan budaya kecemerlangan berterusan.

Secara keseluruhannya, keberhasilan FPA dalam memperkasa sumber manusia melalui pelaksanaan program JAKK telah membuktikan keupayaan fakulti untuk mencapai dan melepasi sasaran strategik yang ditetapkan. Pencapaian ini bukan sahaja meningkatkan kompetensi staf dan pelajar, malah memperkukuh jaringan kerjasama dengan alumni serta komuniti. Lebih penting, kejayaan ini telah menyumbang secara langsung kepada pengiktirafan fakulti dan universiti di peringkat nasional dan antarabangsa, sekaligus mengukuhkan kedudukan UiTM sebagai peneraju dalam bidang perladangan dan agroteknologi.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0065_HB02_20251_HASIL_UTAMA_3_BUKTI_LEVEL.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0065_HB03_20252_HASIL_UTAMA_3_BUKTI_TREND.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0065_HB04_20253_HASIL_UTAMA_3_BUKTI_COMPARISON.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0065_HB05_20254_HASIL_UTAMA_3_BUKTI_IMPORTANCE.pdf](#)